

BAB II

BAB II

Konsep *Hisbah* Di Dalam Sistem *Islām* Dan Sejarah Pelaksanaannya

2.0 Pengenalan

Bahagian ini akan memuatkan perbincangan tentang **IH** dari segi definisi, dalil pensyariatannya, perkembangannya di dalam sejarah ketamadunan *Islām* dan struktur organisasinya. Ia juga akan menyentuh rukun-rukun *hisbah* dengan ringkas dan akhir sekali perbincangan akan menyentuh tentang amalan *hisbah* di bandar.

2.1 PENGERTIAN AL- *HISBAH*

Dari Segi Bahasa

Hisbah berasal dari kata kerja *Iḥtisāb, yaḥtasibu, iḥtisābān* mempunyai beberapa maksud:

Ibn Manzūr menyatakan bahawa ia bermaksud bersegera dalam mendapatkan ganjaran dengan sabar atau menggunakan berbagai jenis kebaikan dan melaksanakannya sebagaimana yang digariskan untuk mendapatkan pahala

yang dikehendaki.¹ Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Hadith Abū Hurairah :²

عن أبي هريرة رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: من صام
رمضان ايمانا واحتسابا غفر الله ما تقدم من ذنبه

Maksudnya: Sesiapa yang berpuasa Ramādhan dengan penuh keimanan pada Allāh dan mengharapkan ganjaran dariNya iḥtisabān), Allāh akan mengampunkan dosa-dosanya yang lalu.

Al-Sunāmī pula telah mentakrifkan perkataan *hisbah* kepada dua maksud; pertama menghitung atau mengira. Makna kedua pula ialah menegah.³ Makna lain bagi *hisbah* ialah bermaksud *al-ḥisāb* bermaksud pentadbiran atau pengurusan, seperti frasa kata “sesorang lelaki itu baik *ḥisbahnya* dalam sesuatu urusan” bermaksud dia menguruskan perkara itu dengan baik.⁴

Manakala perkataan *hisbah* diambil dari kata kerja *ḥasaba*, *yuhāsibū*, *muḥāsabah* pula bermaksud menilai diri sendiri atau melakukan muhasabah.⁵

Dari Segi Istilah

Ulama *Islām* yang telah membincangkan konsep ini dalam penulisan mereka telah memberi berbagai penakrifan dan mereka pada dasarnya sependapat bahawa *al-*

¹Ibn Manzūr, (1990), *Lisān Al-'Arab*, cet. 1, Beirüt; Dār al-Sādir, jil. 1: hal. 315

²Al-Bukhārī, Muhammad Ibn Ismā'il, (t.t.), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitab al-'Imān, Bab Tatawu'* Qiyam al-Ramādhan Min al-'Imān, no. hadith 27

³Al-Sunāmī, (1986), *Nisāb Al-Iḥtisāb*, Tahqiq Maizān 'Asīrī, Makkah al-Mukarramah: Matba'ah al-Talib, hal. 1

⁴Ibrāhīm Unaīs, (t.t.), *Al-Mu'jām Al-Wasīt*, cet. 2, al-Qāhirah, hal. 193, Wali'd 'Abd al-Lāh 'Abd al-'Azīz al-Mumīn, (1995), *Al-Ḥisbah 'alā Mudhun wa al-'Umrañ*, Kuwait: , hal. 40

⁵Ahmad Che Ya'kob, (1999), *Penulisan Fuqaha Mengenai Hisbah dan Peranannya Di Dalam Merealisasikan Hukum Fiqh: Jurnal Syariah*, API UM: KL, hal. 34, Lihat Al-Muzāni, *Al-Mukhtasar*, dicetak di dalam al-Shāfi'i, Al-Umm, jil. 8 hal. 191, Ibn Qayyim, *Al-Turuq*, hal. 263

hisbah itu bermaksud *amr al-ma'rūf dan nahyi mungkar*. Al-Mawardi⁶, (450H) dalam membicarakan tugas pegawai *hisbah* (*al-muhtasib*) mentakrifkan *al-hisbah* sebagai usaha memastikan manusia melakukan kebaikan apabila ternyata perkara tersebut ditinggalkan dan mencegah kemungkaran jika ternyata perkara tersebut mula digemari orang.⁶

Ibn Khaldūn(M1405M) dalam *Muqaddimahnya* mendefinisikan *hisbah* sebagai satu tanggungjawab keagamaan mengkehendaki melakukan *amr ma'rūf* dan *nahyi mungkar*.⁷ Manakala Imām al-Syaizari⁸ (M1193M) pula mentakrifkannya sebagai menyuruh kepada kebaikan dan mencegah yang mungkar dan memperbaiki kehidupan masyarakat.⁸

Ibn Taimiyyah (M!328) dalam kitab “*Al-Hisbah fi al-Islām*” menyatakan bahawa “adapun tugas pegawai *hisbah* ialah menjalankan *amr bi al-ma'rūf dan nahyi mungkar* dalam semua urusan yang tidak menjadi beban(bidang kuasa) kepada pegawai tinggi kerajaan, hakim, pegawai-pegawai jabatan lain.”⁹

Dr 'Abd alLāh Muḥammad 'Abd alLāh telah menyimpulkan takrif *hisbah* berdasarkan kepada takrif-takrif yang diutarakan oleh ilmuan *Islām*, telah menyatakan *hisbah* sebagai kekuasaan yang telah diberikan oleh pemerintah kepada seseorang yang memberikannya kekuasaan serta-merta untuk menyuruh melakukan kebaikan jika perkara tersebut mula ditinggalkan dan mencegah

:

⁶Al-Mawardi , (1999), *Al-Ahkām Al-Sultaniyyah*, Beirüt; Där al-Kutub Ilmiah, hal. 299

⁷Ibn Khaldūn, (2000), *Muqaddimah Ibn Khaldūn*, pentj. Panel Penterjemah DBP, KL:DBP, hal. 246

⁸Al-Syaizari, (1981) *Nihāyah al-Rutbah fi Talabi al- Hisbah*, Beirüt:Där al-Thaqāfah al-'Arabi, hal. 6

⁹Ibn Taimiyyah, *Al-Hisbah fi al-Islām*, Kuwait:Där Al-Arqām, hal. 13-16

perkara mungkar jika perkara tersebut mula tersebar dan melaksanakan hukuman ke atas pesalah tersebut berdasarkan hukum-hukum *syara'* di dalam had-had bidang kuasanya.¹⁰

Satu lagi penakrifan yang telah dibuat, berdasarkan kepada rujukan karya-karya *hisbah* yang telah ditulis oleh *fugahā* sejak zaman awal *Islām* hingga abad pertengahan: Satu Institusi kerajaan yang diwakilkan kepada seorang penguasa yang dilantik, tetapi kemudian telah diserahkan kepada seorang pegawai yang khusus yang dinamakan *al-muhtasib* yang berperanan untuk mengawalselia aktiviti ekonomi, keagamaan, kesihatan dan hal-ehwal perbandaran serta pentadbiran sesuatu bandar. Tujuan kawal-selia ini ialah untuk mempastikan segala aktiviti tersebut tidak bercanggah dengan hukum syarak dan menghukum mereka yang bersalah.¹¹

Berdasarkan pentakrifan di atas jelaslah bahawa *hisbah* adalah satu tanggungjawab keagamaan yang wajib dilaksanakan oleh pemerintah dengan melantik *al-muhtasib* untuk mengawal-selia segala aktiviti umat *Islām* di dalam semua aspek kehidupan dan batas pengawalannya adalah memastikan umat *Islām* melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran mengikut apa yang ditetapkan oleh *syara'*.

¹⁰ Abd al-Lāh Muḥammad ‘Abd al-Lāh, *Wilāyah Al-Ḥisbah fi al-Islām*, al-Qāhirah:Maktabah Syu’arā’, hal. 12

¹¹ Ahmad Che' Ya'kob, *Op. Cit*, hal. 36

2.2 KEWAJIPAN MELAKSANAKAN *HISBAH* MENURUT *AL-QUR'ĀN* DAN *AL-HADITH*

Di dalam *al-Qur'ān* terdapat beberapa ayat yang menyentuh tentang konsep *hisbah*. Rasūlullah s'aw juga turut menyentuh konsep ini dalam *Hadith-Hadith* beliau. Berasaskan kepada ayat-ayat *al-Qur'ān* dan *hadith* ini, para sarjana Islam telah sependapat bahawa amalan *hisbah* wajib dilaksanakan oleh kaum *muslimīn*.

2.2.1 Menurut *Al-Qur'ān*

Konsep ini telah disentuh dalam *al-Qurān*; *Sūrah Ā-li 'Imrān*: 104 dan 110, *Sūrah al- Hajj*: 41, di mana kandungannya mengandungi konsep yang sama iaitu ‘*amr bi a-ma'rūf dan nahy i mungkar*’. Manakala ayat yang selalu digunakan sebagai dalil kewajipan pelaksanaan *hisbah* ialah ayat 104 *Sūrah Ā-li 'Imrān* yang berbunyi :

وَلْتَكُن مِّنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ
بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Maksudnya: Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islām) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta mlarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

Sūrah Ā-li Imrān: 104

Imām al-Ghazālī (M1111M) dalam mentafsirkan ayat ini menyatakan bahawa kewajipan *amr ma'rūf nahi mungkar* berdasarkan kalimah “وَلَكُنْ”. Perkataan ini membuktikan bahawa perintah itu bermaksud wajib. Tetapi pada ayat yang seterusnya *Allāh* telah membatasi firman itu dengan firmanNya yang bermaksud “mereka itulah orang yang beruntung dan menang”. Ayat ini telah membataskan kewajipan melaksanakan *amr ma'rūf dan nahyi mungkar* itu *fardhu kifāyah* bukan *fardhu 'ain*. Apabila satu golongan melaksanakan *tugas ini* nescaya gugurlah kewajipan itu kepada orang lain. Tetapi jika tiada orang yang melaksanakannya maka seluruh umat *Islām* akan berdosa.¹²

Walaupun bagaimanapun sarjana *Islām* telah bersepakat bahawa suruhan melaksanakan *hisbah* adalah kewajipan *fardhu 'ain* kepada pemerintah. Ibn Taimiyyah pula berpendapat bahawa kewajipan orang ramai melaksanakannya adalah *fardhu kifāyah*, akan tetapi ia menjadi kewajipan *fardhu 'ain* kepada orang yang mampu melaksanakannya iaitu orang yang mempunyai kekuasaan (politik), iaitu Sultan, gabenor di mana mereka mempunyai kemampuan berbanding orang lain.¹³

Pendapat yang sama juga turut diutarakan oleh al-Mawardi, beliau berpendapat bahawa walaupun amalan *hisbah* ini sah dilakukan oleh setiap orang *Islām* tetapi terdapat perbezaan antara orang yang melakukan secara sukarela (*al-mutataww'in*) di mana ia adalah *fardhu kifāyah* manakala tugas ini menjadi *fardhu 'ain* kepada pegawai *hisbah* (*al-muhtasib*)¹⁴

¹² Al-Ghazālī, (1996), *Iḥyā' 'Ulūmūddīn*, Mansūrah: Maktabah al-'Imān, jil. 2 : hal. 436

¹³ Ibn Taimiyyah, *Op. Cit.*, hal. 12-13

¹⁴ Al-Mawardi, *Op. Cit.*, hal. 300

Jelaslah bahawa kewajipan melaksanakan *hisbah* telah dinyatakan dengan jelas di dalam beberapa ayat *al-Qur'an* dan ulama' *Islām* sependapat menyatakan umat *Islām* wajib melaksanakan amalan ini. Malah tanggungjawab ini menjadi kewajipan *fardu 'ain* kepada pemerintah

2.2.3 Menurut *Al-Hadith*

Terdapat banyak *Hadith-Hadith* yang menekankan tentang kewajipan melaksanakan amalan *hisbah* ini, di antaranya *hadith* riwayat Abū Bakr al-Siddiq yang berbunyi:¹⁵

قام ابو بكر الصديق رضى الله عنه فحمد الله واثنى عليه ثم قال: انهم تقرأون هذه الآية: ((يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا عَلَيْكُمْ أَنْفُسَكُمْ لَا يَضُرُّكُمْ مَنْ ضَلَّ إِذَا أَهْتَدَيْتُمْ))¹⁶ انه قال لئننا سمعنا رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول: ((مَا مَنَّ قَوْمٌ عَمِلُوا بِالْمُعَاصِي وَفِيهِمْ مَنْ يَقْدِرُ أَنْ يَنْكِرَ عَلَيْهِمْ فَلَمْ يَفْعَلْ إِلَّا يُوشِكُ أَنْ يَعْصِمَهُمُ اللَّهُ بِعِقَابِهِ))

Maksudnya: *Abū Bakr r'a* bangun dan memuji *Rasūlullāh s'a*, lantas berkata: "Mereka telah membaca ayat ini" lalu beliau membaca ayat *al-Qur'an* yang bermaksud: "((Wahai orang-orang yang beriman! Jagalah sajaja diri kamu (dari melakukan sesuatu yang dilarang oleh Allāh). Orang-orang yang sesat tidak akan mendatangkan mudarat kepada kamu apabila kamu sendiri telah mendapat hidayah petunjuk (taat meninggalkan laranganNya").(*al-Mā'idah:105*) Beliau berkata lagi bahawa kami mendengar *Rasūlullah s'aw* bersabda: "Janganlah ada seseorang pun dalam sesuatu kumpulan (orang *Islām*) yang mengetahui telah berlaku perkara maksiat sedangkan dia berkuasa menghalangnya, tetapi dia tidak bertindak demikian(jika ia berlaku) maka Allāh akan menurunkan azab terhadap mereka".

¹⁵ Ibn Mājah, Muhammad Ibn Zaid al-Qazwainī, (1975) *Sunan Ibn Mājah*, *Kitāb al-Fitan*, *Bāb al-'Amr bi al-Ma'rūf wa al-Nahi 'an al-Mungkar*, no. hadith 4005

Di dalam hadith ini *Rasūlullāh s'aw* menegaskan kewajipan orang *Islām* mencegah kemungkaran jika mampu berbuat demikian, jika tanggungjawab ini tidak dilaksanakan *Allāh* tidak akan teragak-agak menurunkan azab terhadap mereka. Perkara yang sama juga telah ditegaskan di dalam *hadith* lain di mana *Rasūlullāh* hanya memberi dua pilihan kepada kaum muslimin melaksanakan ‘*amr ma'rūf dan nahiyyi mungkar* atau bersedia menerima azab. Ini kerana kedua-dua perkara itu adalah bertentangan dan tidak boleh bersama. Dan jika kamu memilih untuk berdiam diri bersedia menerima azab, pada masa itu apa-apa doa untuk menghalangnya tidak akan dimakbulkan, sebagaimana sabda *Rasūlullah s'aw* bersabda yang berbunyi:¹⁶

عن حنيفة ابنة يمان عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: ((والذى نفسي بيده
لتأمرون بالمعروف ولتنهون عن المنكر أو ليوش肯 ان يبعث عليكم عقاب منه
ثم تدعونه فلا يستجاب لكم))

Maksudnya: “Demi *Allāh*, sesungguhnya hendaklah kamu menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran atau akan diturunkan ke atas engkau azab dan pada masa itu apa-apa doa tidak akan dapat menghalangnya.”

Walaupun *Rasūlullāh* mewajibkan kaum muslimin melaksanakan *hisbah* tetapi baginda mereka telah menentukan tingkat-tingkat penguatkuasaan mengikut kemampuan sebagaimana sabda *Rasūlullah s'aw* lagi yang berbunyi.¹⁷

¹⁶ Abā Dāwud, Sulaymān Ibn Asy'as, (1988), *Sunan Abā Dāwud*, Kitāb al-Fitan, Bāb Mā Ja'a fī Ta'yir al-Mungkar aw bi al-Lisān aw bi al-Qalb, no hadith 2172

¹⁷ Muhammed Ibn 'Isa Ibn Thūrah al-Tirmizi, (1975), *Sunan al-Tirmizi*, Kitāb al-Fitan, Bāb Mā Ja'a fī al-Amr bi al-Ma'rūf wa al-Nahiyyi al-Mungkar. No hadith 2169.

قال أبو سعيد الخدري سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول : ((من رأى منكم منكرا فليغيره بيده، فإن لم يستطع فبلسانه فإن لم يستطع فبقبله وذلك أضعف الإيمان))

Maksudnya: *Daripada Abū Sa'id al-Khudrī r'a berkata bahawa aku mendengar Rasūlullah s'aw bersabda:))Sesiapa antara kamu yang melihat kemungkaran maka hendaklah membetulkan dengan tangannya, jika beliau tidak mampu hendaklah dengan lidahnya dan jika beliau tidak mampu juga hendaklah dengan hatinya. Dan itulah selemah-lemah iman)(*

2.3 SEJARAH PENUBUHAN INSTITUSI HISBAH DAN PERKEMBANGANNYA DALAM TAMADUN ISLĀM

Untuk melihat sejarah penubuhan dan perkembangannya di zaman *Rasūlullāh s'aw*, zaman *Khulafā al-Rāsyiddin*, zaman kerajaan *Umawiyah*, zaman kerajaan *Abāsiyyah*, zaman kerajaan *Umawiyah* di Andalus, kerajaan *Fatimiyyah* dan kerajaan *Ayūbiyyah*. Selain itu ia juga penting untuk melihat kesahihan pendapat pengkaji Barat kontemporari bahawa **IH** bukan berasal dari *Islām*. Orientalis Barat ini menafikan bahawa *hisbah* adalah warisan tamadun *Islām* itu dan menolak bahawa ia pernah wujud pada zaman awal *Islām*.

Gustav E. Grenabaum, berpendapat bahawa **IH** yang sebelumnya dikenali sebagai *sāhib al-Sūq* adalah ditiru dari *institusi Agoranomos* yang diamalkan semasa pemerintahan *Roman Byzantin*. Pandangan yang sama diberikan oleh

Hakikatnya pendapat mereka ini sebenarnya telah tertolak dengan sendirinya menerusi kajian sarjana *Islām* silam yang menghasilkan kitab-kitab yang menghuraikan persoalan *hisbah* di mana kesemuanya berkesimpulan bahawa doktrin dan prinsip *hisbah* itu lahir dari kandungan ajaran *Islām* itu sendiri tanpa dipengaruhi oleh sebarang pengaruh asing dalam pembentukannya. Aspek ini telah dijelaskan oleh al-Syaizari¹⁹, Ibn Ukuwwah, Ibn Bassām, al-Mawardi²⁰, Ibn Taimiyyah dan lain-lain di dalam karya mengenai *hisbah*.¹⁹ Walaupun terdapat perselisihan pendapat di antara pengkaji-pengkaji ini tentang masa yang tepat penubuhan IH sebagai satu undang-undang yang praktikal dan mempunyai pegawai khas yang dinamakan *al-muhtasib*. Namun mereka sepakat bahawa konsep dan doktrin hisbah sebenarnya telah diamalkan sejak zaman *Rasūlullah s'aw*.²⁰

2.3.1 Pelaksanaan *Hisbah* Di Zaman *Rasūlullah s'aw*

Rasūlullah s'aw ialah orang yang pertama memperkenalkan *hisbah* di dalam *Islām*. Baginda telah mengasaskan konsep, prinsip dan doktrin asas *hisbah* berpandukan kepada ayat-ayat *al-Qur'ān*, *Kitāb-kitāb Sirah* dan *Hadith* yang telah menyatakan dengan jelas bahawa amalan ini telah wujud di zaman baginda demi untuk melaksanakan perintah *Allāh* yang termaktub di dalam ayat yang berbunyi:

¹⁹Auni Hj Abdullah,(1994), *Hisbah Dalam Pentadbiran Negara*, Kuala Lumpur:IKDS SDN BHD, hal. 17-18

²⁰Taqī al-'Anī,(t.t). "Al-Muhtasib wa al-Jihāz al-Markazi li al-Taqqiyis ", *Dirāsah al-Muqāranah Dirāsah al- Hisbah wa al-Muhtasib 'ind al-'Arāb*, hal. 94

وَلْتُكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ
بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا وَنَهَا عَنِ الْمُنْكَرِ وَأَوْتِيكُمْ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Maksudnya: Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebaikan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

Sūrah Āli- 'Imran:104

Antara bukti yang menunjukkan bahawa Rasūlullah s'aw adalah orang yang pertama yang melaksanakan amalan ini melalui hadith yang diriwayatkan oleh Muslim dari Abū Hurairah yang berbunyi:²¹

عن أبي هريرة : ((أن رسول الله صلى الله عليه وسلم مر على صيرة الطعام فاندخل يده فيها فنالت أصابعه بثلا . فقال ما هذا يا صاحب الطعام؟ قال : أصابعه للسماء يا رسول الله . قال : لفلا جعلته فوق الطعام كى يراه الناس؟ من خشنا فليس منا .))

Maksudnya : Rasūlullah s'aw telah melintasi sebuah gerai makanan dan ternampak satu bekas makanan yang tersorok lalu baginda memasukkan tangan baginda ke dalam bekas makanan tersebut dan mendapati makanan itu basah. Lantas Rasūlullah s'aw bertanya, "Apa ini wahai tuan punya gerai?" "Di timpa hujan, wahai Rasūlullah s'aw," jawab tuan punya gerai itu. Baginda bertanya lagi, "Kenapa engkau tidak meletakkan di atas supaya orang dapat melihatnya? Siapa yang menipu, dia bukan dari golongan kami."

Rasūlullah s'aw juga telah melantik Sa'īd Ibn Abi al-'Ās sebagai pengawas pasar yang dikenali sebagai *al-'āmil fī al-sūq* yang bertanggungjawab menyelia dan mengawal perjalanan perniagaan di pasar Madinah.²²

²¹ Muslim, *Sahīh Muslim*, Kitāb Imān, Bāb 43 Qawl al-Nabiyyi Man Ghasyanā Falaisa Minnā No ḥadīth 164(143)

2.3.2 Hisbah Di Zaman Khulafa' Al-Rasyidin

Khalifah-khalifah selepas *Rasūlullah s'aw*, Abū Bakr, ‘Umar, ‘Uthmān dan ‘Alī telah mengikut jejak langkah *Rasūlullah s'aw* dalam melaksanakan *hisbah*. Sayyidinā ‘Umar dikatakan begitu menitik-beratkan sehingga ada pengkaji sejarah telah menyatakan bahawa peraturan (*nizām*) *hisbah* telah diperkenalkan pada zaman beliau.²³ Beliau akan berjalan-jalan di pasar-pasar dan akan meninjau urusan jual-beli dan mengawasi timbangan dan sukatana.

Beliau juga akan mengawasi perkara-perkara yang menganggu lalu-lintas dan menghukum orang-orang yang ‘bermain’ dengan hukum *Islām*.²⁴ Di samping itu beliau telah melantik beberapa orang sahabat untuk melaksanakan tugas ini antaranya, ‘Abd al-Lāh Ibn ‘Utbah di pasar Mekah, Al-Sā‘ib Ibn Zaid Ibn Samamah dan ‘Abd al-Lāh Ibn Mas’ūd di pasar Madinah. Di samping itu, *al-muhtasib* ini juga berperanan menghimpunkan jemaah di masjid untuk menghidupkan malam di bulan *Ramadhan*.

Sayyidinā ‘Uthmān juga turut memberi perhatian serius dalam melaksanakan *hisbah* di pasar-pasar. Beliau telah melantik al- Harith Ibn al-‘Ās untuk melaksanakan tanggungjawab ini. Manakala Sayyidinā ‘Alī pula sering meronda di *Sūq al-Kūfah* sambil memegang tongkat untuk memastikan sukatan dan timbangan yang digunakan adalah tepat dan tidak berlaku kecurangan.

²³ Hasan Ibrāhim Ḥasan, 1979, *Tārikh Al-Islām Al-Šiyūṣī wa al-Dīnī wa al-Thaqāfi wa al-Ijtīmā'i*, al-Qāhirah, Maktabah Al-Nahdah Al-Miṣriyyah, jil. 3; hal. 316

²⁴ Op. Cit., jil. 3: hal. 159

Catatan sejarah ini membuktikan bahawa amalan *hisbah* telah mula dilaksanakan pada zaman *Rasūlullah s'aw* walaupun tidak dibawah satu institusi yang khusus. Baginda memberi tumpuan aspek pengawasan pasar kerana pada masa itu penyelewengan banyak berlaku di sana. Usaha ini telah diteruskan oleh *Khulafā' al-Rāsyiddin*. Sama ada dilaksanakan sendiri atau melantik orang lain untuk melaksanakan tugas ini yang dikenali sebagai *al- 'āmil fī al-sūq*.

2.3.3 *Hisbah* Di Zaman Dinasti Umawiyyah

Di zaman ini IH masih dalam bentuk yang sederhana, sesuai dengan keperluan masyarakat Islam pada zaman itu. Gabenor-gabenor di wilayah-wilayah *Islām* akan melaksanakan sendiri peranan *sāhib al-sūq* mengikut contoh Nabi Muhammad s 'aw.²⁵ Mereka mengawasi aktiviti di pasar terutama aspek timbang dan sukatan dan memastikan manusia melakukan kebaikan apabila ia ditinggalkan dan mencegah kemungkaran apabila ia berleluasa di sana.²⁶

Masalah-masalah yang timbul pada masa itu adalah dari aspek sosio-ekonomi di pasar-pasar dan industri pembuatan. Pasar menjadi tempat penting hingga berapa buah pasar telah diwujudkan di wilayah-wilayah baru. Banyak masalah yang timbul di situ terutamanya masalah sukatan, ukuran dan timbangan.²⁷ Di samping itu mereka juga melantik pegawai yang khusus

:

²⁵ Abd Hāsib Radhwān, (1990), *Dirāsat fī Ifsabah min Nāhiyah al-Tarikhīyyah wa al-Fiqhīyyah*, cet. 1, hal. 10

²⁶ Rasyād Abbās Ma'tūq, (1982), *Nizām al-Hisbah fī al-'Irāq*, Jeddah: Tihama, hal. 80

²⁷ Tāqī Al-Ānī, *Op. Cit.*, hal. 95

bertanggungjawab mengawasi aktiviti di pasar yang dikenali sebagai ‘āmil fi al-sūq.²⁸

Malah dilaporkan bahawa *Khalīfah* al-Walīd Ibn ‘Abd al-Mālik (86-96H) telah meronda-meronda di pasar sambil bertanya dan bertukar fikiran dengan para penjual sayur mengenai harganya.²⁹ Pada zaman Kerajaan *Banī Umayyah* ini telah timbul keperluan kepada struktur organisasi penguatkuasaan yang lebih kemas lantaran dengan cabaran kehidupan pada masa itu yang semakin kompleks. Akibat dari perkembangan aktiviti perdagangan dan perniagaan serta pelbagai anasir-anasir baru dalam masyarakat *Islām* yang terdiri dari adat-adat dan tradisi masyarakat setempat yang memberi pengaruh besar kepada aktiviti perusahaan dan perniagaan.

Keadaan ini menyebabkan pemerintah telah menubuhkan satu organisasi yang teratur bagi mengawasi aktiviti-aktiviti ini agar adat dan tradisi yang bertentangan dengan *Islām* tidak diamalkan lagi.³⁰ Diriwayatkan pada zaman pemerintahan Hisyām Ibn ‘Abd al-Mālik (105-125H) baginda telah melantik Dāwud dan ‘Isā Ibn ‘Alī Ibn ‘Abd al-Lāh sebagai pembantu kepada *Wālī al-Sūq*. Khālid Ibn ‘Abd al-Lāh dikenali sebagai ‘awān al-sūq. Jelaslah pada zaman ini organisasi **IH** mula berkembang dengan kewujudan pembantu dalam melaksanakan tugas pengawasan.

²⁸ *Op. cit.*, hal. 80

²⁹ Al-Tabarī, (1963), *Tārīkh Al-Tabarī*, Tahqīq Muḥammad Abū Fadl, Miṣr:Dār Al-Ma'ārif, jil. 5 hal. 265-266

³⁰ *Ibid*, hal. 81

2.3.4 *Hisbah Di Zaman Kerajaan Abāsiyyah*

Pada zaman kerajaan *Abāsiyyah* peranan *wilāyah al-hisbah* sangat penting.

Pada zaman ini nama *sāhib al-sūq* dikenali sebagai *al-muhtasib*.³¹ *Khalīfah* al-Mansūr telah memilih ‘Āsim Ibn Sulaymān sebagai *al-muhtasib* bagi mengawal aktiviti timbangan dan sukatan. Baginda juga telah melantik Abū Zakāriyyā’ Yahya Ibn Abdullāh sebagai *al-muhtasib* di Kota Baghdad.³² Laporan tentang kewujudan para *al-muhtasib* pada zaman pemerintahan Ja’far al-Mansūr ini telah membetulkan kenyataan yang mengatakan bahawa *Khalīfah* Hārūn ar-Rāshīd adalah orang yang telah mengasaskan badan ini atau *Khalīfah* al-Mahdi al-Abāsiyyī yang dianggap sebagai pengasas undang-undang *hisbah*.³³

Pada zaman ini **IH** berada di bawah pentadbiran Jabatan Pusat (*Diwān Markaziyyah*) yang di kawal oleh *al-kātib al-kabīr*.³⁴ *Diwān* al-Markaziyyah yang menyelia kesemua jabatan-jabatan *hisbah* seluruh negara dengan menyimpan dalam sebuah daftar segala maklumat berkaitan aktiviti jabatan ini.³⁵

Al-muhtasib pada zaman ini telah mengadakan hubungan yang rapat di antara ‘*urafā’* perusahaan (penyelia perusahaan yang merupakan pembantu *al-muhtasib*) dan *sinf* (kesatuan perusahaan dan perniagaan). Hubungan ini dianggap penting selari dengan perkembangan kesatuan-kesatuan perniagaan dan kesatuan-

³¹ Subhi ‘Abd al-Mun’im, *Op. Cit.*, hal. 25

³² Rāshīd ‘Abbas Ma’tūq, *Op. Cit.*, hal. 85-86

³³ *Op. Cit.*, hal. 26

³⁴ Pegawai kanan yang dilantik bagi membantu wazir mentadbirkan negara. Merupakan pembantu utama kepada Khalifah dan juga kepada wazir. Bertanggungjawab menulis surat-surat rasmi, surat berhubung dengan soal politik, ia juga mengisyiharkan pengisytiharan, pengumuman, keputusan-keputusan serta kedudukan pentadbiran. Sila rujuk Dr. Subhi Saleh,(1984), *Politik Dan Pentadbiran Dalam Islam*, KL: Bhgn Hal-Ehwal Islam JPM, hal.55-57

³⁵ Rāshīd Abbās Ma’tūq, *Op. Cit.*, hal. 87

kesatuan perusahaan. Tujuannya untuk mengawasinya dan menjamin bahawa *syari'ah* dipatuhi dan kemaslahatan masyarakat dipatuhi.³⁶

Fungsi *al-muhtasib* tidak terhad kepada pengawasan di pasar, *Khālifah* kadang-kadang telah menugaskan *al-muhtasib* melaksanakan tugas lain yang dirasakan mampu dilaksanakan oleh mereka. Contohnya *Khalīfah* al-Mahdi telah melantik *al-muhtasib* ‘Abd Jabbār mengetuai tentera memerangi golongan *zinndiq*.³⁷ Manakala pada masa pemerintahan *Khalīfah* al-Muqtadī bīllāh, baginda telah meminta *wāli al-hisbah* membuang negeri “pelacur” dan mencegah pengangkutan awam membawa lelaki dan perempuan bersama. Pada masa pemerintahan ini juga baginda telah memerintahkan *wāli al-hisbah* Abu Ja’far al-Kharātī pada tahun 476H agar mengawasi kegiatan *al-bazzarrin* (penjual pakaian) dan menghukum mereka yang membuka kedai pada hari Jumaat.³⁸

2.3.5 *Hisbah* Di Andalus

Perlaksanaan *hisbah* di Andalus terletak di bawah bidang kuasa kehakiman sebagaimana di kebanyakan negara-negara Islam seperti *Ubaidiyin* di Mesir dan *Maghribi* serta kerajaan *Umawiyah* di Andalus. Di Andalus kadang-kadang *qādhī* yang akan melaksanakan *hisbah* atau melantik sesiapa yang difikirkan sesuai untuk melaksanakannya ini kerana ia di bawah fungsi Institusi Kehakiman .

³⁶Loc. Cit.

³⁷ Al-Tabarī, *Op. Cit*, jil. 8 hal. 198

³⁸ Subḥī ‘Abd Mu‘im Muḥammad, *Op. Cit.*, hal. 26

Al-Maqrizi³⁹ mencatatkan bahawa pegawai yang dilantik adalah seorang *al-qādhi* dan beliau mestilah seorang ilmuan dan cerdik. Menjadi kebiasaan pada zaman ini *al-muhtasib* menunggang kuda ke pasar dan diiringi bersama 'awān (pembantu) yang memegang alat timbangan yang akan digunakan untuk memeriksa berat roti atau daging.⁴⁰ Jawatan ini dikenali sebagai *sāhib al-sūq* kerana kebanyakan tugasnya berkaitan dengan pengawasan terhadap pasar dari sebarang penipuan.⁴¹ Kurd 'Ali pula menyatakan bahawa peraturan (*khittah*) *hisbah* menyerupai undang-undang kehakiman di mana ia berkaitan dengan perbandaran, jual-beli, mengimarahkan masjid dan perkara-perkara yang memudaratkan masyarakat jika mereka mengabaikannya.⁴²

Mengenai kedudukan *Diwān al-Hisbah* di Andalus Levy Reuben berkata "diwān hisbah" antara *diwān* yang paling besar di Andalus. Undang-undangnya pula adalah kedua mulia selepas undang-undang kehakiman. Pegawai yang dilantik mestilah memenuhi syarat tertentu dari segi keilmuan, akhlak, kewara'an dan tipu-helah dalam jual-beli agar beliau mudah mengesan sebarang penipuan.⁴³

2.3.5 Hisbah Di Zaman Kerajaan Fatimiyyah(969-1171M)

Pelaksanaan *hisbah* semakin ketara pada zaman Pemerintahan empayar Fatimiyyah. *Al-muhtasib* menjadi jawatan agama yang penting dalam pemerintahan selepas ketua hakim (*qādī al-qudāt*) dan ketua pendakwah (*dā'i al-*

³⁹ Ibn Khaldūn, *Op. Cit.*, hal. 247

⁴⁰ Loc. Cit., Abū Hasan al-Nabāhī; 1948, *Tārīkh al-Quḍāh fī al-Andalus*, Kaherah, hal. 1

⁴¹ 'Abd al-Mun'im Muhammād, *Op. Cit.*, hal. 28

⁴² *Ibid*, hal. 28

du'āt) Biasanya mereka yang berkedudukan tinggi dalam bidang kehakiman dilantik menjadi *al-muhtasib*.⁴³

Pada zaman ini telah ditubuhkan satu tempat khas untuk *al-muhtasib* melaksanakan *hisbah* yang dikenali sebagai *Dār al-'iyār*. *Dār al-'iyār* adalah satu badan yang berperanan menyelia alat timbang dan sukatan dan ukuran yang standard di Mesir, apabila ia telah menepati piawaian yang ditetapkan barulah diluluskan penggunaannya. Di samping itu *al-muhtasib* akan meminta peniaga datang ke situ untuk memeriksa alat timbang dan sukatannya. Malah *Dār al-'iyār* merupakan satu-satunya tempat yang menjual alat timbang, sukatan dan ukuran yang diiktiraf oleh kerajaan.⁴⁴

Al-muhtasib pada zaman kerajaan *Fatimiyyah* berperanan mengawasi pelaksanaan ibadah solat Jumaat dan Hari Raya, menyuruh pengutang membayar hutang kepada pemutang, melarang minum arak dan permainan yang diharamkan, melarang perbuatan mengintai, melarang melakukan penipuan di pasar, penyelewengan dalam timbang dan sukat, mengawasi aktiviti orang *kāfir zimmi*, hamba-hamba, menghalang meletakkan barang berlebihan di belakang haiwan pengangkutan, menyelia tempat mencetak matawang, menjamin lalu-lintas tidak terganggu di jalanraya dan menentukan kebersihan masjid terpelihara.⁴⁵

⁴³ Auni Hj Abdullah, *Op. Cit.*, hal. 24

⁴⁴ Syihām Mustafā Abū Zaid, (1986), *Al-Ḥisbah fī Misr Al-Islāmiyyah*, Al-Miṣr: Al-Hai'ah Al-Miṣriyah Al-Āmmah li al-Kitāb., hal. 86,

⁴⁵ Syihām Abū Zaid, *Op. Cit.*, hal. 78, Auni Hj Abdullah, *Op. Cit.*, hal. 24

Oleh kerana perkembangan peraturan pasar (*nizām al-sūq*) yang semakin pesat dan bertambahnya fungsi *al-muhtasib* telah mendorong *al-muhtasib* melantik beberapa orang pembantu. Sebagaimana yang dicatatkan oleh al-Maqrizī terdapat dua jenis pembantu *al-muhtasib* iaitu ‘*urafā’* ketua bagi setiap perusahaan yang membantu memastikan kualiti barang yang dijual dan berperanan sebagai pemerhati kegiatan di pasar dan melaporkan kepada *al-muhtasib*. Keduanya *al-‘awān* yang bertugas membantu *al-muhtasib* menguatkuasakan undang-undang.⁴⁶

2.3.6 *Hisbah Di Zaman Ayūbiyyah*

Apabila kerajaan *Ayūbiyyah* berkuasa di Mesir , mereka telah menukar dasar yang telah diperkenalkan oleh kerajaan *Fatimiyyah* tetapi terdapat beberapa dasar yang masih dikekalkan di antaranya pihak *al-muhtasib* bertanggungjawab menyelia *Dār al-‘Iyār* iaitu badan yang mengeluarkan alat-alat sukatan dan timbangan atau *al-muhtasib* dan pembantunya akan melawatinya dari masa ke semasa untuk memeriksa dan mengesahkan ketepatan timbangan dan sukatan.⁴⁷

Antara fungsi *al-muhtasib* yang lain ialah mengawasi kemaslahatan awam, mengawasi pasar, melarang dinaikkan harga barang,⁴⁸ mencegah aktiviti sorok barang dan *talaqī al-rukbān* (Membeli barang dari kafilah dagangan sebelum mereka masuk ke kota dengan harga yang murah.) ,mengawasi penjualan roti (roti adalah makanan asasi orang 'Arab) di pasar untuk memastikan ia memenuhi

⁴⁶ *Ibid*, hal. 77

⁴⁷ *Ibid*, hal. 79

⁴⁸ Syaizari, 'Abd al-Rahmān al-Naṣr, (1981), *Nihāyah al-Rutbah fī al-Talab al-Ḥisbah*, Tahqiq Dr. Al-Sayyid al-Bār al-'Arabi, Lubnān:Dār al-Thaqāfah hal. 12

permintaan dan keperluan rakyat.⁴⁹ *Al-muhtasib* juga berperanan memastikan susun atur perusahaan dan perniagaan di pasar. Al-Syaizari (m1193M) mencatatkan bahawa di antara tugas utama *al-muhtasib* pada masa itu mengawasi akhlak masyarakat umum dan melarang pergaulan lelaki dan perempuan sama ada ketika di masjid, di taman-taman dan di jalan-jalan.⁵⁰

Al-muhtasib juga berperanan melantik pekerja yang memelihara kebersihan masjid⁵¹, mengawasi orang *kāfir zimmī*. Malah salah satu fungsinya yang tidak terdapat pada *al-muhtasib* pada zaman lain, *al-muhtasib* berperanan mengawasi majlis-majlis pegawai-pegawai dan gabenor serta menasihati mereka; memastikan mereka melakukan kebaikan apabila ia ditinggalkan dan mencegah mereka melakukan kemungkaran apabila ia mula diamalkan.⁵²

Oleh kerana bidang kuasa pada zaman ini begitu besar dan terdapat perusahaan-perusahaan yang pelbagai, *al-muhtasib* telah membahagikan struktur organisasinya kepada unit-unit tertentu yang berperanan mengawasi setiap jenis perusahaan. Unit ini diketuai oleh pembantu *al-muhtasib* yang dikenali sebagai ‘ārif iaitu orang yang pakar dalam perusahaan tersebut dan tahu setiap penipuan dan penyelewengan di dalamnya dan memiliki sifat yang terpuji.⁵³ Malah dilaporkan bahawa bidang kuasa pembantu *al-muhtasib* ini dinyatakan secara terperinci begitu juga syarat pemilihannya.⁵⁴

⁴⁹ *Ibid.*, hal. 21-23

⁵⁰ *Ibid.*, hal. 109

⁵¹ *Ibid.*, hal. 109-111

⁵² *Ibid.*, hal. 115

⁵³ *Ibid.*, hal. 12

⁵⁴ *Loc. Cit.*

Pada zaman inilah satu karya mengenai *hisbah* telah dihasilkan oleh Imam al-Syaizari yang menulis *Kitāb Nihāyah al-Rutbah fī Talab al- Hisbah*. Kitab ini merupakan hasil penulisan yang penting dalam sejarah penulisan *hisbah* kerana ia menjadi rujukan yang penting bagi para penulis selepasnya dalam bidang ini.⁵⁵

2.3.7 Zaman Empayar Mamlük(1250-1517M)

Fungsi *al-muhtasib* semakin bertambah luas pada masa pemerintahan kerajaan Mamlük. Kenyataan ini dibuat berdasarkan kepada kitab-kitab yang ditulis oleh *al-muhtasib* Ibn Bassām (M.1440M), al-Maqrizi (M.1442M) dan Ibn Ukuwwah (M.1329M) di mana terdapat pertambahan bab dan pasal baru dalam karya *hisbah* mereka berbanding apa yang ditulis oleh al-Syaizari. Pertambahan ini dapat dikesan sama ada dari aspek agama, kemasyarakatan dan ekonomi.⁵⁶

Keadaan ini menyebabkan wujudnya keperluan kepada lebih dari seorang *al-muhtasib*. Sebelum ini (sebelum empayar Mamlük) jawatan *al-muhtasib* hanya dikhususkan kepada seorang pegawai sahaja. Justeru dicatatkan terdapat empat orang *al-muhtasib* yang dilantik iaitu di *al-Qāhirah*, *Fustat*, *Iskandariyyah* dan Kawasan pinggir Laut. Walau bagaimana pun *al-muhtasib al-Qāhirah* yang paling kanan dan berpengaruh. Beliau adalah satu-satunya *al-muhtasib* yang hadir di *Dār al-'Adl*, iaitu majlis perhimpunan khas yang diadakan di antara raja Mamlük dengan rakyat. *Dār al-'Adl* ialah dewan khas yang didirikan untuk menyelesaikan segala masalah kebajikan rakyat termasuklah aduan-aduan mereka. *Al-muhtasib* hadir mengiringi raja bersama-sama *al-muftī* dan *al-qādhi* keempat-empat

⁵⁵ *Ibid.*, Kata aluan oleh Al-Arinī[†]

⁵⁶ Syihām Abū Zaid, *Op. Cit.*, hal.88

mazhab, ketua polis dan ketua askar untuk mendengar aduan dan turut menyelesaikan masalah negara.⁵⁷

Al-muhtasib bandar *al-Qāhirah* bekerjasama dengan gabenor bandar ini di dalam melaksanakan tugas pengawasan, kemudian *al-muhtasib* melaksanakan tugas ini secara bersendirian. Ibn Hajar melaporkan pada tahun 822H *al-muhtasib* bersama gabenor telah membuat serbuan ke tempat maksiat di bandar *al-Qāhirah* dan telah menghancurkan bekas-bekas arak, melarang wanita meratap ke atas jenazah di pasar dan memaksa orang Yahudi dan Nasrani mengelikkan serban mereka.⁵⁸

Banyak fungsi yang dilaksanakan oleh *al-muhtasib* pada zaman ini sebenarnya diwarisi dari IH pada zaman-zaman sebelumnya. Antara aspek yang amat dititik-beratkan kawalan harga bijirin gandum, pengawasan terhadap orang *kafir zimmi* memandangkan mereka mula mengisi jawatan-jawatan dalam kerajaan, mengawasi adab-adab masyarakat umum dan penampilan yang bersesuaian dengan syariat, melarang aktiviti minum arak, pesta-pesta maksiat dan mengawasi wanita-wanita muslim dari segi pergaulan dan penampilan mereka sehari-harian.⁵⁹

Kegemilangan peranan *al-muhtasib* telah tercemar dan merosot pada bahagian kedua era kesultanan *Mamluk* apabila suasana pemerintahan tidak lagi terkawal dari segi moral. Jawatan penting kerajaan menjadi rebutan manusia yang tidak lagi berakhhlak mulia dan berpegang teguh dengan ajaran agama dan

⁵⁷ *Ibid*, hal. 90, Auni, *Op. Cit.*, hal. 26

⁵⁸ Syihām Abū Zaid, *Ibid*, hal. 90

⁵⁹ *Ibid*, hal. 91-92

mendapatkan jawatan *al-muhtasib* melalui cara rasuah. Malah kadang-kadang jawatan ini dijawat oleh yang tidak berkelayakkan.⁶⁰ Dengan itu *al-muhtasib* tidak lagi memiliki kewibawaan yang istimewa di sisi masyarakat. Mereka turut menjadi sasaran kecaman rakyat selain raja-raja *Mamlūk* sendiri.⁶¹

Walaupun **IH** mempunyai peranan yang penting dalam mengawasi kehidupan masyarakat *Islām* namun akhirnya ia telah kehilangan fungsinya pada tahun 1220H bersamaan dengan 1805M. Manakala al-Jabrātī berpendapat bahawa institusi ini berakhir pada tahun 1235H bersamaan 1835M.⁶² Abū Zaid memetik kata-kata al-Syalabī yang menyatakan selepas tarikh ini istilah **IH** telah terhakis sama sekali walaupun fungsinya masih tetap wujud. Di mana peranannya diambil-alih oleh berbagai jabatan lain yang masih meneruskan amalan pengawasan dalam masyarakat. walaupun begitu amalan *hisbah* masih diteruskan lagi⁶³

2.4 STRUKTUR ORGANISASI INSTITUSI HISBAH

Amalan *hisbah* pada peringkat awalnya iaitu pada zaman Rasūlullah s'aw, zaman Khulafā' al-Rāsyidin dan zaman Kerajaan Bani Umawiyyah adalah dalam bentuk yang sederhana dan masih belum diinstitusikan lagi. Pada masa itu pegawai yang melaksanakan tugas ini dikenali sebagai *sāhib al-sūq* untuk mengawasi suasana di pasar agar ia bebas dari penyelewengan dan penipuan dalam urusan jual-beli. Ini kerana pada zaman ini pasar adalah pusat utama kegiatan umat *Islām* dan paling banyak terdedah kepada penyelewangan dari segi

⁶⁰ *Ibid*, hal. 100

⁶¹ *Ibid*, hal. 94-95, Auni, *Op. Cit.*, hal. 27

⁶² Al-Jabrātī, (1959), *Tārīkh Al-Jabrātī*, Miṣr: Matābiq Al-Syu 'üb, jil. 9: hal. 1016

⁶³ *Op. Cit.*, hal.33

moral dan agama.

Daripada bentuk yang sederhana ini amalan ḥisbah yang merupakan tanggungjawab keagamaan telah diinstitusikan untuk menyelaraskan aktivitinya dan memenuhi keperluan semasa. Pada peringkat awal penubuhannya, IH berpusat di kawasan pasar di mana pejabatnya dibina di kawasan ini. Ia terletak di kawasan yang tinggi bagi memudahkan beliau melihat dan meninjau perkembangan yang berlaku di sana. Di tangan pegawainya tergenggam sebatang rotan sebagai simbol kekuasaannya supaya lahir penghormatan terhadap kedudukan itu dari para peniaga dan pedagang.⁶⁴

Di pejabat al-muhtasib ini terdapat senarai khas yang mencatatkan nama dan alamat pemilik kedai, kilang, surat-surat perniagaan dan gedung-gedung pengeluaran yang terletak di dalam kawasan jagaan beliau. Sebagai rujukan dan senang dihubungi jika perlu⁶⁵

Ibn Taimiyyah mengatakan bahawa bidang kuasa al-muhtasib sama ada luas atau terhad bergantung kepada ‘uruf dan keadaan sesebuah negara. Oleh yang demikian syara’ tidak meletakkan batasan-batasannya. Kadang-kadang ia diserapkan dalam institusi kehakiman tetapi disetengah tempat dan masa yang lain diletakkan di bawah bidang kuasa tentera. Khalīfah al-Mu‘iz li Dīn al-Lāh pada zaman pemerintahan Kerajaan Fatimiyyah pernah melantik Ya’kūb ibn Khālid sebagai al-muhtasib, Ketua Polis, Pengurus dan Pembahagi Pusaka dan Penyelia Cukai Khāraj secara serentak. Khalīfah al-Hākim bi Amrillah pernah menugaskan

⁶⁴ Al-Syaizari, *Op. Cit.*, hal. 10, Rasyid Abbās Ma’tūq, *Op. Cit.*, hal. 108
⁶⁵ Loc. Cit.

panglima tenteranya untuk menyelia jabatan polis dan IH.⁶⁶

Pada peringkat awal pelaksanaannya *al-muhtasib* tidak memerlukan kepada pembantu tetapi beliau sendirian dalam menangani segala urusan yang berkaitan dengan penguatkuasaan. Tetapi keadaan ini berubah apabila wilayah negara *Islām* semakin bertambah luas dan kehidupan masyarakat menjadi semakin rumit sama ada di dalam bidang sosial, ekonomi dan keagamaan. Pada masa ini tanggungjawab *al-muhtasib* semakin bertambah dan beliau memerlukan pembantu dalam menangani pelbagai masalah yang muncul.⁶⁷

Kewujudan pembantu *al-muhtasib* dapat dikesan melalui catatan al-Tabarī yang menyatakan jawatan ini muncul pada zaman pemerintahan *Khalīfah Hisyām* Ibn ‘Abd al-Mālik (105-125H). Baginda telah melantik Dāwud dan ‘Isā Ibn ‘Alī Ibn ‘Abd all-Lāh Ibn ‘Abbās sebagai pembantu *al-muhtasib* kepada Khālid Ibn ‘Abd al-Lāh.⁶⁸ Pembantu *al-muhtasib* yang dilantik ini juga mestilah mempunyai kelayakan yang sama dengan *al-muhtasib* sendiri. Pembantu *al-muhtasib* ini mempunyai kedudukan yang penting dalam pentadbiran negara hingga Ibn Jawzi meriwayatkan bahawa pada zaman pemerintahan *Khalīfah al-Muqtadir bi all-Lāh* bayaran gaji pembantu *al-muhtasib* telah mencapai 430-439 dinar.⁶⁹

Secara umumnya pembantu *al-muhtasib* ini dapat dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu:⁷⁰

⁶⁶ Ahmad Abd al-Salām Nāsif, (1987), *Al-Syurṭah fī Al-Miṣr Al-Islāmiyyah*, Al-Qāhirah: Al-Zahrā li al-Ilām al-‘Arabi, hal. 238

⁶⁷ *Op. Cit.*, hal.108-109

⁶⁸ Al-Tabarī, *Op. Cit.*, Jil. 7 hal. 202

⁶⁹ *Op. Cit.*, hal. 109

⁷⁰ *Ibid*, hal. 109-110

- i) *Al-'Urafā'*-Mereka ialah petugas yang mempunyai kepakaran dan pengetahuan yang mendalam tentang selok-belok pelbagai bidang kemahiran dan perkilangan. Mereka juga mengetahui selok-belok perniagaan di pasar dalam pelbagai aspek sehingga mereka dapat mengesan penipuan dan penyelewangan di sana dan mengambil tindakan terhadapnya.
- ii) *Al-Nuwwāb*-Mereka pula adalah wakil di pelabuhan, kawasan sempadan dan tepian pantai. Tugas utama mereka tertumpu kepada kerja mengumpulkan maklumat mengenai kegiatan ekonomi dan perniagaan di tempat tersebut. Segala maklumat yang diperolehi membantu *al-muhtasib* mengetahui bekalan keperluan asasi yang ada sebagai langkah persediaan untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang dapat menyulitkan kehidupan rakyat.
- iii) *Al-'Awān Wa al-Gilmān*-Mereka berfungsi sebagai pembantu *al-muhtasib* dalam usaha untuk menguatkuasakan peraturan ke atas orang yang melanggarnya sesuai dengan bidang kuasa *al-muhtasib*.

Demikianlah gambaran perkembangan struktur organisasi **IIH** yang bermula dengan bentuk yang sederhana sehingga terbentuk satu institusi yang mantap. Perkembangannya banyak dipengaruhi oleh perluasaan empayar *Islām* serta perkembangannya di dalam aspek ekonomi, politik dan keagamaan. Perkembangannya berlandaskan kepada keperluan pada masa itu untuk menjamin kesejahteraan dan keselesaan umat *Islām*.

2.4 PERBEZAAN ANTARA *AL-MUHTASIB* DAN *WILĀYAH AL-MAŻĀLIM* DAN *QUDHĀH*

Dari segi struktur organisasi, IH dalam sejarah pertumbuhannya sering dikaitkan dengan Institusi *al-Qadā'* (kehakiman), *Wilāyah al-Mażālim* (badan pengaduan). Institusi Kehakiman menjalankan tugas-tugas badan kehakiman. Sementara *Wilāyah al-Mażālim* menjalankan tugas mendengar pelbagai kes pengaduan yang berkaitan dengan penindasan, penipuan dan seumpamanya di peringkat tertinggi dan institusi.⁷¹

Ketiga-tiga institusi ini secara umumnya mempunyai matlamat yang sama iaitu menguatkuasakan pelaksanaan syariah demi kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Dalam usaha menjalankan tugas masing-masing, semuanya menekankan soal menegakkan keadilan, memupuk rasa kesedaran tentang tanggungjawab agama dan memelihara kesejahteraan hidup rakyat.⁷²

Walaupun institusi-institusi ini mempunyai perbezaan dari sudut bidangkuasa tetapi kadang-kadang mereka mempunyai persamaan di antara satu sama lain. Oleh itu banyak perbincangan dari sudut ilmu fiqh telah dibuat untuk menggariskan persamaan dan perbezaan ini. Soal menentukan persamaan dan perbezaan menjadi penting untuk mengelakkan kerja tertindih.

Persamaan di antara peranan *al-muhtasib* dan *al-Qādhi* adalah seperti

⁷¹ Auni HJ Abdullah, *Op. Cit.*, hal. 82

⁷² *Loc. Cit.*

berikut:⁷³

- a. *Al-muhtasib* dan *al-Qādhi* sama-sama berhak membuat pendakwaan terhadap orang yang tertuduh serta mendengar dakwaan daripada mereka yang mengemukakan tuduhan. Walau bagaimanapun bidang kuasa al-muhtasib hanya dikhkususkan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan penipuan dalam timbangan dan jual-beli, pemalsuan, penyelewengan dan kegagalan menyelesaikan pinjaman.
- b. Mereka berdua sama-sama berhak memaksa pihak yang tertuduh supaya memperbetul kesilapan (mematuhi hukuman) dan melangsaikan hak serta tanggungjawab yang terbeban ke atas bahu mereka dalam kes-kes yang disebutkan di atas.

Namun begitu, *al-muhtasib* dan *al-Qādhi* juga mempunyai perbezaan dalam perkara-perkara berikut:

- a. *Al-muhtasib* berhak mendengar tuduhan terhadap kemungkaran yang nyata sahaja dan tidak berhak mendengar tuduhan yang berkaitan dengan kemungkaran tidak nyata iaitu berkaitan dengan akad jual-beli serta tuntutan lain yang menjadi tanggung-jawab hakim.
- b. Tugasnya hanya terbatas kepada hak-hak yang diiktiraf (jelas tuntutannya). Manakala perkara-perkara yang menjadi pertelingkahan dan percanggahan yang memerlukan bukti serta sumpah, dia tidak berhak masuk campur.
- c. *Al-muhtasib* tidak memerlukan pendakwaan atau pengaduan sebelum bertindak. Sedangkan *al-qādhi* perlu kepada pengaduan atau tuduhan sebelum bertindak.

⁷³ Al-Mawardi, *Op. Cit.*, hal. 300

d. *Al-muhtasib* perlu bertindak cepat, tegas dan keras kerana tanggungjawabnya ialah menyeru manusia melakukan kebaikan dan mencegah mereka dari melakukan kemungkaran. Sementara *al-qādhi* perlu bertindak lembut dan tenang kerana ia bertujuan memberi kesedaran dan meletakkan keadilan pada tempatnya.

Manakala *al-muhtasib* dan *wilāyah al-maẓālim* terdapat persamaan dan perbezaan dari segi bidang kuasa masing-masing. Persamaan keduanya adalah seperti berikut:⁷⁴

- a. Kedua-duanya melaksanakan tanggungjawab dengan menggunakan kekuatan, ketegasan dan kekerasan.
- b. Kedua-duanya boleh bertindak untuk *kemaslahatan* dalam hal-hal perbalahan yang zahir tanpa perlu menerima pengaduan dan tuduhan.

Tetapi kedua-dua pihak berbeza dalam aspek-aspek di bawah:⁷⁵

- a. Penyelia *al-maẓālim* boleh bertindak dalam perkara-perkara yang menjadi tanggungjawab *al-qādhi* dan *al-muhtasib*. Sementara *al-muhtasib* tidak boleh bertindak mewakili *al-qādhi* dan penyelia *al-maẓālim*.
- b. Penyelia *al-maẓālim* boleh bertindak sebagai pihak yang menjatuhkan hukuman. Manakala *al-muhtasib* tidak bersifat demikian tetapi boleh bertindak segera untuk melaksanakan kerja-kerja menyuruh manusia menunaikan kewajipan yang diabaikan dan melarang manusia daripada cuai menunaikan kewajipan.⁷⁶

:

Dari perbandingan di atas jelaslah bahawa ketiga-tiga institusi ini

⁷⁴ *Ibid*, hal. 302

⁷⁵ *Ibid*, hal. 302

⁷⁶ Auni Abdullah, *Op. Cit.*, hal. 84

mempunyai pertalian tugas. Semuanya saling melengkapi di antara satu sama lain. III mempunyai kedudukan yang istimewa kerana bidang tugasnya yang luas dan tidak terbatas iaitu meliputi aspek aqidah, ibadah, jual-beli, perindustrian, perkilangan, bidang-bidang kemahiran dan profesionalisme hinggaalah mencakupi soal perkhidmatan awam, perbelanjaan negara, kemudahan awam dan sebagainya.⁷⁷ Peranan pegawai *al-muhtasib* lebih kepada pengawasan umum dan boleh menjatuhkan hukuman untuk mencegah kemungkaran berbentuk fizikal dan boleh diselesaikan pada masa itu juga.

2.6 RUKUN-RUKUN *HISBAH*

Hisbah merupakan satu kewajipan keagamaan. Oleh itu para sarjana *Islām* telah meletakkan rukun khusus yang membolehkan penguatkuasaan dilaksanakan. Ilmuan *Islām* telah bersepakat terdapat empat rukun *hisbah* iaitu:

1. Pegawai *hisbah* (*al-muhtasib*)
2. Pihak yang di*hisbah* (*al-Muhtasab Alaih*)
3. Sasaran *hisbah* (*al-Muhtasab Fih*)
4. Penguatkuasaan *hisbah*

Oleh kerana kajian ini adalah satu kajian perbandingan, maka rukun-rukun ini akan dibincangkan di bawah tajuk mengikut aspek-aspek yang akan diperbuat perbandingan, iaitu syarat *al-muhtasib*, adab atau etika *muhtasib*, fungsi *muhtasib* dan prosedur penguatkuasaan secara umum.

⁷⁷ *Ibid*, hal. 24

2.6.1 Syarat *Al-Muhtasib* (Penguatkuasa)

Al-muhtasib ialah orang yang dilantik oleh *Khalifah* atau penasihatnya untuk mengawasi hal-ehwal rakyat dan menyelia urusan mereka dan kemaslahatan mereka di dalam jual-beli, makanan, pakaian, minuman, tempat tinggal, jalan-jalan dan memastikan mereka melakukan perkara *ma'rūf* dan meninggalkan *kemungkarān*. Oleh kerana amalan *hisbah* merupakan tanggungjawab keagamaan, sarjana Islam telah meletakkan syarat-syarat tertentu yang membolehkan seseorang itu dilantik sebagai *al-muhtasib*.⁷⁸ Mereka sependapat mengatakan bahawa *al-muhtasib* mestilah seorang muslim, lelaki merdeka, berakal, *adil*, *mukallaf* dan mampu. Huraian secara terperinci adalah seperti berikut.

1. *Al-muhtasib* mestilah muslim, kewajipan melaksanakan *hisbah* tidak akan dikenakan kepada orang kafir kerana *al-muhtasib* berperanan membantu agama (mendekatkan diri kepada perintah *Allāh*) dan orang kafir bukan dari ahlinya.⁷⁹
2. *Al-muhtasib* mestilah seorang lelaki, *para fuqaha'* tidak memberi nas yang terang kerana hukum ini mengikut kebiasaan, di mana kebanyakan orang yang dilantik menjadi pegawai *al-muhtasib* adalah lelaki.⁸⁰ Walaupun begitu ada pendapat yang mengatakan bahawa syarat ini tidak mempunyai dalil yang jelas kerana Sayyidina ‘Umar telah melantik wanita seorang wanita, al-Syifā’ Bint ‘Abd allāh sebagai penguasa Madinah pada zamannya.⁸¹
3. *Al-muhtasib* mestilah seorang yang merdeka, bukan hamba. Inilah syarat

:

⁷⁸ Ibn Ukhluwwah(769H/1329M),1979, *Ma'dlim Al-Qurbah fi Ma'rifah Al- Hisbah*, Miṣr Hai'ah Al-Miṣriyyah al-Āmmah li al-Kitāb, hal. 51

⁷⁹ Al-Ghazālī, *Op.Cit*.jil. 3:hal. 471., Ibn Ukhluwwah, *Ibid*. hal.

⁸⁰ Subhī 'Abd Al-Mun'im, *Op. Cit*., hal. 81

⁸¹ *Ibid*, hal. 81

pertama yang dikemukakan oleh al-Mawardi, dan Ibn Ukuwwah.⁸²

4. *Al-muhtasib* mestilah seorang yang berakal. Ini kerana kemampuan melaksanakan pekerjaan ini tidak akan terlaksana kecuali dengan menggunakan akal dan amalan *hisbah* itu adalah untuk mendekatkan diri kepada *Allāh* (ibadah) dan ia mesti dilaksanakan oleh orang yang telah diwajibkan kepadanya.

5. *Al-muhtasib* mestilah mengetahui hukum-hukum *syara'* tentang perkara yang disuruh dan perkara-perkara yang ditegah. Al-Mawardi menekankan perlunya seorang *al-muhtasib* itu mengetahui ilmu tentang kemungkaran yang terang agar beliau dapat mencegahnya.⁸³

6. Ulama telah berselisih pendapat dalam meletakkan sifat *al-'adālah* sebagai syarat kepada *al-muhtasib*. Al-Mawardi dan sebahagian ulama telah bersetuju dengan pendapat ini. Oleh itu *hisbah* tidak wajib keatas orang *fāsiq*. Manakala Imam al-Ghazālī dan sebahagian ahli *fiqh* yang lain tidak bersetuju dengan pendapat ini.⁸⁴ Pendapat yang rajih ialah pendapat al-Ghazālī iaitu orang *fāsiq* juga boleh menjadi *al-muhtasib*.⁸⁵

7. *Al-muhtasib* mestilah mampu melaksanakan *amr bi al-ma'rūf dan nahyi an al-mungkar*. Orang yang tidak mampu melaksanakannya sama ada dengan lidah dan tangan dia tidak diwajibkan melaksanakan *hisbah*.

8. *Al-muhtasib* mestilah mendapat keizinan daripada penguasa atau pemerintah dan tidak wajib melaksanakan *hisbah* tanpa ada surat perlantikan dari pemerintah. Al-Mawardi berpendapat bahawa *al-muhtasib* yang dilantik oleh pemerintah

:

⁸² Rashād 'Abbās Ma'tūq,(1982), *Nizām Al- Hisbah fī al-Iraq*, Jeddah:Tihama, hal. 95

⁸³ Al-Mawardi, *Op. Cit.*, hal. 300

⁸⁴ *Ibid*, hal. 45

⁸⁵ Sila lihat perbahasan ini dalam, Ibrāhim Dusuki al-Syahāwī,(t.t.) *Al- Hisbah fī Al-Islām*, Miṣr: Muassassah Al-Miṣriyyah, hal. 45- 48

wajib melaksanakan kewajipan ini kerana ia *fardhu 'ain* manakala *al-muhtasib* sukarela pula *fardhu kifayah*.⁸⁶

2.6.1.2 *Adab atau etika al-muhtasib*⁸⁷

Para ulama' telah meletakkan beberapa adab dan etika yang perlu dipatuhi oleh. Antaranya:

1. Niat, apa yang dimaksudkan di sini ialah apabila al-muhtasib melakukan *amr bi al-ma'rūf wa nahyi 'an al-mungkar*, al-muhtasib mestilah berlandaskan niat yang betul semata-mata kerana *Allāh swt*.
2. *Al-muhtasib* hendaklah mengetahui ('āliman) kedudukan (*mawqif*) suruhan dan tegahan, had-hadnya dan cara pelaksanaannya yang semuanya mestilah berlandaskan *syara'*.
3. *Al-muhtasib* mestilah seorang yang *wāra'*. Ia tidak boleh mengambil apa-apa tindakan kecuali apa yang dibenarkan oleh *syara'*. Perkataan dan perbuatannya tidak bertentangan dengan *syara'* dan manusia tidak akan marah dan rasa teraniaya dengan sikapnya. Secara tidak langsung dakwahnya itu akan diterima oleh masyarakat.
4. *Al-muhtasib* mestilah berakhhlak dengan akhlak yang mulia. Bersifat dengan belas kasihan, berlapang dada, lemah lembut, bersopan santun, sabar, 'iffah(menjauhi kemungkaran sama ada perkataan atau perbuatan), berani, adil dan berhikmah. Inilah merupakan asas kepada *amr bi al-ma'rūf wa nahyi 'an al-mungkar*.

⁸⁶ Al-Mawardi, *Op. Cit.*, hal. 299

⁸⁷ Lihat Abd al-Lāh Muhammad Abd al-Lāh, *Op. Cit*, hal. 212-226 dan Ibrāhim Dusuki al-Šyahāwi, *Op. Cit*, Miṣr: Muassasah Al-Miṣriyyah, hal. 55-68

5. Menggunakan *uslūb al-rifq*⁸⁸ dan lemah lembut dalam urusan menyuruh dan mencegah, kecuali kepada orang yang mengiklankan dirinya sebagai *fāsiq* atau orang yang secara terang-terang melakukan maksiat. Sifat ini akan menyebabkan hati orang akan cenderung kepadanya dan akan mencapai matlamatnya.
6. Adab lain yang perlu dimiliki oleh *al-muhtasib* dalam melaksanakan *amr bi al-ma'rūf wa nahi mungkar* ialah bersabar dan tabah dalam menanggung kesukaran. Ini kerana kesabaran itu merupakan asas kepada kejayaan dalam dakwah.
7. Merupakan seorang yang mengekalkan sunnah *Rasūlullāh s'aw* contohnya mencukur misai, menyimpan janggut, memotong kuku, memakai pakaian bersih dan berwangi-wangian.
8. Syarat yang paling utama bagi *al-muhtasib* ialah beliau hendaklah bersih dari menerima harta orang lain, terhindar dari menerima hadiah dari pengusaha-pengusaha kerana perkara tersebut termasuk dalam kategori rasuah. Dengan menghindarkan diri dari perkara tersebut, kredibiliti *al-muhtasib* akan terjamin dan dia akan dihormati oleh orang ramai.⁸⁹

2.6.3 Fungsi *Al-muhtasib*

Secara umumnya *hisbah* adalah satu kewajipan keagamaan menguatkuaskan *amr bi al-ma'ruf dan nahi mungkar* sebagaimana yang telah dinyatakan dengan jelas di dalam *al-Qur'an* dan *al-Hadith* Nabawwiyy dan disepakati oleh sarjana *Islām*. I^H pula adalah satu badan berkuasa yang

⁸⁸ Sufiyān al-Thaurī mengatakan maksudnya ialah meletakkkan sesuatu pada tempatnya, keras pada tempatnya dan berlemah-lembut pada tempatnya serta menggunakan pedang pada tempatnya.

⁸⁹ Al-Syaizari, *Op. Cit.*, hal. 9

ditubuhkan di dalam sesebuah negara yang dipertanggungjawabkan oleh syariah untuk melaksanakan konsep ini. Fungsi utamanya untuk menjamin keberkesanan perintah Ilahi

Manakala soal menegakkan amalan *hisbah* ini berkaitan dengan *Siyāsah Syar'iyyah* kerana pertumbuhannya dalam tradisi pemerintahan *Islām* berdasarkan kepada kepentingan awam dan bergantung pada budi bicara dan kesungguhan para pemerintahan *Islām*. Amalan *hisbah* ialah satu warisan peradaban *Islām* untuk menangani pelbagai cabaran politik, ekonomi dan sosial yang timbul dari masa ke semasa. Di bawah prinsip *Siyāsah Syar'iyyah* ini para pemerintahan diberi ruang untuk mempergunakan *hisbah* sebagai saluran memelihara kesejahteraan rakyat serentak dengan usaha membendung penyelewangan dalam jentera pentadbiran.⁹⁰

Pada peringkat awal fungsi *al-muhtasib* terbatas dalam urusan yang berkaitan dengan kegiatan perniagaan dan suasana kehidupan di pasar. Tetapi apabila agama *Islām* tersebar luas dan pembukaan negeri-negeri baru serta meningkatnya cabaran yang perlu ditangani , maka fungsi *al-muhtasib* menjadi bertambah berat.⁹¹ Beberapa *ulama' Islām* telah mengutarakan berbagai pendapat tentang fungsi tersebut. *Al-Mawardi*, Abu Ya'lā dan al-Ghazālī telah mencirikan tiga fungsi *al-muhtasib*. Pertamanya mengawasi perkara yang berkaitan dengan agama, keduanya yang berkaitan dengan kehidupan sosio ekonomi dan ketiganya yang berkaitan dengan pentadbiran. Akan tetapi *ulama'-ulama'* ini tetap

⁹⁰ Auni Hj Abdullah, *Op. Cit.*, hal. 14

⁹¹ *Ibid*, 106

meletakkan pengawasan yang berkaitan agama sebagai fungsi asas yang tetap.⁹²

Terdapat juga penulis kajian berkaitan *hisbah* yang membincangkan tentang perkembangan fungsi *al-muhtasib* yang mengatakan bahawa kewajipan *hisbah* bermula dengan pengawasan terhadap aspek agama dan akhlak dalam urusan-urusan yang berkaitan dengan ‘*amr bi al-ma’rūf* dan *nahyi mungkar*. Peranan ini kemudiannya berkembang kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan kemaslahatan umum yang berkaitan dengan aspek sosial dan ekonomi.⁹³

Namun pendapat yang dianggap paling tepat mengenai fungsi pegawai *al-muhtasib* adalah yang diutarakan oleh al-Mawardi.⁹⁴ Beliau telah menggariskan tiga fungsi *al-muhtasib* yang utama iaitu perkara-perkara yang berkaitan dengan hak-hak *Allāh*, perkara-perkara yang berkaitan dengan hak-hak manusia seterusnya urusan-urusan yang berkaitan dengan hak *Allāh* dan hak manusia.⁹⁵

Berdasarkan fungsi-fungsi yang menjadi bidang pengkhususan pegawai penguatkuasaan jelaslah kepada kita bahawa secara umumnya fungsi *al-muhtasib* ialah menjaga kesucian *Islām* dan penganutnya dengan melaksanakan *amr bi al-ma’rūf* dan *nahyi an mungkar* dalam semua aspek kehidupan manusia. Manakala perbincangan tentang fungsi *al-muhtasib* secara terperinci akan dibincangkan di bawah tajuk penguatkuasaan *hisbah* di bandar.

⁹² Syihām Mustafā, *Op. Cit.*, hal. 141

⁹³ Salim al-Alūsī, (t.t.), “*Al-Khidmat al-Baladiyyah fi al-Hadārah al-‘Arabiyyah*”, *Dirāsah al-Ḥisbah wa al-Muḥqasib* *Ind al-‘Arab*, Baghdād: Markaz al-Turāth al-‘Ilmi al-‘Arabi, hal. 59

⁹⁴ Syihām Mustafā, *Op. Cit.*, hal. 101

⁹⁵ Al-Mawardi, *Op. Cit.*, hal. 303

2.7 PROSEDUR PENGUATKUASAAN

Dalam melaksanakan tindakan *hisbah* penguatkuasaan, terdapat tingkat penguatkuasaan yang perlu diikuti bergantung kepada jenis kesalahan yang dilakukan. Peringkat-peringkatnya adalah seperti berikut:

1. Memperkenalkan kepada pelaku mungkar kesalahan yang dilakukan sekiranya perbuatan tersebut berlaku kerana kejahilan. Ini juga ditujukan kepada mereka yang melakukan kemungkaran pada kali pertama.
2. Menghalang melalui pengajaran, nasihat dan seruan supaya bertaqwah kepada *Allāh swt* dengan perkataan lemah-lembut. Ini ditujukan kepada orang yang masih melakukan kemungkaran buat kali kedua. Melalui cara ini pegawai *hisbah* hendaklah membacakannya ayat-ayat *al-Qur'ān* dan *Hadith* yang menerangkan tentang seksaan dan larangan perbuatan tersebut serta kisah-kisah ulama' yang terdahulu.
3. Menggertak dan mengancam menggunakan kata-kata yang keras dan kasar. Sikap ini diperlukan ketika tidak ada lagi kemampuan untuk melarang secara lemah-lembut.
4. Melarang dengan paksaan iaitu menggunakan tangan seperti memusnahkan alat yang digunakan untuk membuat mungkar tersebut. Sebagai contoh, menuang arak atau memecahkan botol serta alat yang digunakan untuk minum arak.
5. Menakutkan dan menggertak dengan pukulan atau mengenakan pukulan untuk mencegah perbuatan tersebut.⁹⁶
6. Menggunakan para pembantu ataupun senjata. Ini perlu dilakukan sekiranya

⁹⁶ Imam al-Ghāzālī, *Op. Cit.*, jil 3, hal. 467-473

orang yang melanggar undang-undang itu orang yang gagah dan cuba melawan dengan menggunakan kekerasan.

7. Mengenakan pelbagai bentuk hukuman *ta'zir*. Hukuman *al-ta'zir* ini boleh dilaksanakan dalam pelbagai bentuk sama ada memukul, memenjarakan, menyingkirkan, merosakkan, mengisyiharkan kesalahan pesalah dikhalayak ramai (*al-tasyhir*) ataupun membunuhnya. Kuasa *ta'zir* ini bergantung kepada budi bicara *al-muhtasib* dan hukuman yang dijatuhkan setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Menjatuhkan hukuman bunuh yang diizinkan di bawah *ta'zir* bagi masalah bukan *hudūd* atau bukan *qisas* dengan alasan menjaga kemaslahatan umum dan apabila kejadian seseorang tidak dapat dihentikan kecuali dikenakan hukuman bunuh seperti orang yang selalu melakukan jenayah sehingga menganggu kemaslahatan awam, orang yang menjadi pengintip bagi pihak musuh dan orang yang melakukan kegiatan yang memecah-belahkan masyarakat *Islām*.⁹⁷

Jelaslah daripada penerangan di atas, tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh pegawai *al-muhtasib* bukan sahaja bertujuan untuk menghukum pelaku kesalahan tetapi juga untuk menyedarkan mereka tentang mengapa mereka tidak boleh melakukan perbuatan tersebut seterusnya mendidik diri mereka menjadi muslim yang sebenar. Situasi inilah yang menyumbang ke arah keberkesanan IH.

2.8 KONSEP BANDAR DALAM *ISLĀM*

Bandar dalam bahasa Arab *madīnah*, berasal dari perkataan *madanā*,

⁹⁷ Ma'tūq, *Op. Cit.*, hal. 121-122

jama'nya mudun atau *madā'in* bererti bandar atau nama kepada *Yathrib* yang kemudiannya diberi nama oleh *Rasūlullāh s'aw* dengan *Madīnah Munawwarah*.⁹⁸

Dari segi istilah bandar adalah satu kawasan desa yang telah dimajukan oleh penduduknya dan kemajuan itu bersifat *tabi'i*, iaitu kemajuan pertanian untuk keperluan hidup meningkat ke tahap kesempurnaan dan bersistem. Pada tahap inilah munculnya bandar. Kebanyakan penduduk bandar bergiat dalam perusahaan, perdagangan, pertukangan besi, menjahit dan lainnya. Mereka begitu mementingkan segala keperluan yang menjadi keperluan masyarakat secara mewah dan sempurna dalam segala keadaan dan adat kebiasaan kerana itu kadang-kadang mereka banyak terdedah kepada budi pekerti yang cela dan jahat.⁹⁹

Dalam tradisi agama *samāwī* pula, bandar sering dikaitkan dengan proses pembangunan yang menyeluruh yang merangkumi pelbagai bidang kehidupan untuk merealisasikan tuntutan beragama. Dalam *Islām*, bandar merupakan pusat kehidupan bermasyarakat bagi sesebuah kawasan, bukan sahaja dalam bidang ekonomi, politik dan sosial, malah intelektual dan spiritual.¹⁰⁰ Ahmad Zaki Hj Abd Latif menyatakan bahawa bandar *Islām* adalah berteraskan agama *Islām*, aqidah penduduknya adalah mentauhidkan *Allāh*, syariat kekotaannya berteraskan *al-Qur'ān* dan akhlak penduduknya bermodelkan *Rasūlullāh s'aw*. Idealisme

⁹⁸ Dr. Ibrāhīm Unaís et. al. *Op. Cit.*, jil. 2: hal. 896

⁹⁹ Ibn Khaldūn, *Op. Cit.*, hal. 81-82

¹⁰⁰ Zaini Ujang, Sayyed Hossein al-Nasr dan Ziauddin Sadar,(1993), *Alam Sekitar Unggul: Perspektif Islam Terhadap Bandar (Islam Dan Alam Sekitar)*, Institut Kajian Negara-KL, hal. 115

bandar *Islām* berjaya direalisasikan dengan penuh cemerlang semasa hayat Nabi Muhammad s'aw dan pada zaman *Khulafā' Al-Rāsyidin*.¹⁰¹

2.8.1 Ciri-Ciri Bandar *Islām*

Dua aspek penting yang perlu disentuh apabila membincangkan tentang pengawasan dan penguatkuasaan bandar, pertamanya tentang syarat-syarat penubuhan bandar *Islām* dan yang kedua ciri-ciri bandar *Islām* kerana aspek-aspek ini yang menjadi tumpuan *al-muḥtasib*.¹⁰² Terdapat banyak pendapat ilmuan Islam tentang syarat-syarat umum sebuah bandar *Islām*. Al-Mawardi dalam *Kitāb Tashīl al-Nażar Wa Ta'jīl al-Zhafar* telah menganjurkan tujuh syarat penting untuk menubuhkan sebuah bandar *Islām*.¹⁰³

- i) Terdapat bekalan air bersih.
- ii) Kawasan yang terletak berdekatan dengan laut untuk memudahkan mengimport barang dari negara yang jauh.
- iii) Pengaliran udara yang bersih segar .
- iv) Mempunyai tempat untuk menternak binatang dan mendapatkan kayu api.
- v) Rumah hendaklah dilingkungi oleh tembok. Untuk menjamin keselamatan penghuninya dari ancaman musuh atau binatang buas

Ibn Abī Rabi' pula telah menyenaraikan lapan syarat yang diwajibkan bagi

¹⁰¹ Ahmad Zaki Hj Abd Latif, (1997), *Perbandaran Di Timur Tengah Dan Kesannya Terhadap Masyarakat Islam Abad I-III Hijrah*, KL:DBP,hal.35

¹⁰² Walid 'Abd aLlāh 'Abd Al-'Azīz Al-Munīs, (1995), *Al-Īlisbah 'Alā Muḍūn wa al-Umrān*, Kuwait: t.p. hal. 47

¹⁰³ Al-Mawardi, 1981, *Tashīl al-Nażar Wa Ta'jīl al-Zhafar*, Tahqiq Dr. Ḥasan Al-Sa'ati Dan Mahyu Hilal Al-Sarhan, Beirut : Dār Al-Nahdhah Al-'Arabiyyah, hal. 162-163.

sesiapa yang ingin membina bandar iaitu:¹⁰⁴

- i) Hendaklah dialirkan air kepada bandar itu daripada air sungai yang sedap diminum oleh penduduknya dan senang didapati oleh penduduknya.
- ii) Hendaklah menentukan kadar yang sesuai bagi keluasan jalan dan lorongnya.
- iii) Masjid hendaklah dibina di pusat bandar supaya diketahui oleh seluruh penduduk.
- iv) Hendaklah menentukan keluasan pasarnya bagi memudahkan penduduknya mendapatkan barang keperluan mereka.
- v) Hendaklah mengasingkan kabilah-kabilah yang tinggal di bandar supaya tidak timbul pertelingkahan antara mereka.
- vi) Kawasan tempat tinggal penduduk hendaklah didirikan di bahagian yang paling luas dan tempat tinggal golongan pemerintah melingungi dari setiap arah.
- vii) Hendaklah melindungi bandar dengan tembok kerana takut serangan musuh kerana keseluruhannya adalah dianggap satu bandar.
- viii) Hendaklah membawa masuk golongan cendiakawan dan teknokrat berdasarkan keperluan penduduk sehingga benar-benar mencukupi dan tidak perlu keluar mencari yang lainnya.

Perkara-perkara tersebut perlu diberi perhatian kerana bandar adalah kawasan penempatan dan tempat berlindung. Oleh itu aspek-aspek ini wajar diambil perhatian agar bandar tersebut selamat didiami dengan cara menjaganya daripada segala keburukan dan memastikan segala kemudahan tersedia sesuai dengan kehidupan bandar.

¹⁰⁴ Ibn Abī Rabi', 1981, *Sulūk Al-Mamālik Fi Tadbīr Al-Masālik*, Tahqīq Nājī al-Takrabātī, Beirut:Dār Al-Andalus, hal. 192

Manakala ciri-ciri utama sebuah bandar *Islām* pula seperti yang digariskan oleh *Rasūlullāh s'aw* ketika baginda mengasaskan bandar Madīnah adalah seperti berikut.¹⁰⁵

- i) Keamanan. Ini dibuktikan apabila *Rasūlullāh s'aw* mengisyiharkan Madīnah sebagai tanah Haram sebagaimana yang dilakukan oleh Nabi Ibrāhīm di Mekah. Tindakan yang diambil oleh *Rasūlullāh s'aw* ini bertujuan untuk mengekalkan keamanan dan kesejahteraan terhadap penduduk Madīnah dan orang yang berkunjung ke sana bahkan terhadap tumbuhan dan binatang di situ.¹⁰⁶
- ii) Kualiti alam sekitar yang selamat untuk kependudukan. *Rasūlullāh s'aw* sangat mementingkan aspek ini agar penduduk dapat tinggal di situ dengan selesa. *Rasūlullāh s'aw* telah berdoa agar cuaca di Madīnah menjadi lebih baik setelah beberapa orang sahabat baginda ditimpa sakit apabila berhijrah ke sana.
- iii) Masjid. Masjid memainkan peranan yang amat penting dalam masyarakat Islam. Malah ia merupakan perkara yang paling diutamakan oleh *Rasūlullāh s'aw* ketika sampai ke Madīnah. Memang tidak dapat dinafikan peranan masjid sebagai pusat keagamaan, politik dan intelektual. Justeru masjid *jāmi'* muncul sebagai kekuatan politik yang unggul pada zaman awal *Islām*. Masjid seterusnya menjadi elemen penting dalam pembinaan bandar-bandar *Islām* yang lain.¹⁰⁷
- iv) Kawasan perumahan. Waliq 'Abd al-Lāh 'Abd 'Azīz berpendapat bahwa kawasan perumahan merupakan tempat yang kedua penting selepas masjid.
- v) Pasar. Pasar merupakan tempat yang penting di dalam sesebuah bandar. Ia merupakan pusat perdagangan, perusahaan, pertukangan dan kegiatan ekonomi umat *Islām*.

¹⁰⁵ Walīd Abd al-Lāh 'Abd al-Azīz al-Munīs, *Op. Cit.*, hal. 56-64

¹⁰⁶ Al-Nawāwi, *Sahīl Muslim li al-Nawāwi*, Bab *Fasti Madīnah wa al-Du'ā al-Nabi s'aw fīhi Bi al-Barakah*, Misr:Tab'ah Al-Misriyyah, Jil. 7-9: hal. 9

¹⁰⁷ Lihat S. Manzoor Alam."The Concept Of the Islamic City and the planning of Islamabad", Islamic Culter,jil.CIX,no.3, Julai 1895, hal. 192-193.

- vi) Kompleks bangunan dan jalaraya. Kedua-duanya merupakan mercu-tanda bandar.

Kenyataan di atas membuktikan bahawa ciri bandar di dalam *Islām* adalah keseimbangan antara ciri *din* (spiritual) dan fizikal dan penjagaan alam sekitar. Apabila terdapat kombinasi ketiga-tiga ciri ini akan menjadikan bandar sebuah tempat yang selamat didiami dan penduduk bandar dapat melaksanakan aktiviti harian mereka dengan selesa dan seterusnya melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai hamba *Allāh*. Oleh itu ciri-ciri ini menjadi tumpuan *al-muhtasib* untuk menjamin keharmonian penduduk bandar dan menjamin keselesaan aktiviti masyarakat kota.

2.9 PENGUATKUASAAN *HISBAH* DI BANDAR

Bahagian ini akan menghuraikan dengan terperinci mengenai peranan *al-muhtasib* dalam mengawasi perbandaran *Islām* dan menguatkuasakan peraturannya. Sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam sejarah tamadun *Islām*, pelaksanaan *hisbah* bermula di pasar. Justeru pegawaiannya pada peringkat awal dikenali sebagai *ṣāhib al-sūq*. Secara tidak langsung situasi ini menggambarkan bahawa penguatkuasaan di bandar telah wujud pada zaman *Rasūlullāh s'aw* kerana pasar pada kebiasaannya hanya wujud di bandar yang berperanan sebagai pusat kegiatan sosio-ekonomi di sesebuah negara. Oleh itu pelaksanaan *hisbah* ini bertujuan untuk menjamin keselesaan hidup dan kegiatan mereka di bandar.

2.9.1 Penguatkuasaan *Hisbah* Di Masjid

Masjid merupakan ciri utama bandar *Islām* dan merupakan aspek yang paling penting di bandar *Islām*. Fungsi masjid tidak hanya terbatas sebagai pusat ibadat khusus seperti solat, puasa dan zakat malah sebagai pusat pendidikan, pusat perkembangan ilmu pengetahuan *Islām*, pusat kegiatan sastera *Islām*, pusat kegiatan sosial ekonomi *Islām*, pusat pemerintahan dan pentadbiran serta kehakiman.

Al-muhtasib berperanan mengawasi masjid yang merupakan mercu tanda bandar *Islām* untuk memastikan masjid dapat melaksanakan peranannya dengan sempurna. Terdapat beberapa aspek yang perlu *al-muhtasib* laksanakan dalam mengawasinya. Walīd ‘Abd al-Lāh ‘Abd ‘Azīz telah membahagikannya kepada tiga sudut:¹⁰⁸

i) **Memilih tempat yang sesuai untuk dijadikan masjid.**

Pemilihan tempat yang strategik penting agar matlamat pembinaannya tercapai. Masjid bukan sahaja penting sebagai tempat untuk beribadat malah ia berperanan sebagai pusat kegiatan sosial, ekonomi dan politik. Amalan ini telah dirintis oleh *Rasūlullāh s'aw*, baginda begitu berhati-hati dalam memilih tempat untuk mendirikan Masjid *Qubā'* kemudian Masjid *al-Nabawiyyi*. Kedua-dua masjid ini dibina berdekatan dengan kediaman *Rasūlullāh s'aw*, kawasan perumahan orang muslimin dan hampir dengan pasar.¹⁰⁹

¹⁰⁸ *Ibid*, hal. 67

¹⁰⁹ *Ibid*, hal. 67

ii) Memelihara Masjid.

Al-muhtasib juga berperanan untuk memelihara masjid dari perkara-perkara yang menghalang dari melaksanakan peranannya sebagaimana yang ditetapkan oleh *syara'*. Pengawasan ini meliputi pengawasan fizikal masjid (kebersihan, peralatan, pembinaan dan sebagainya), kelayakan dan akhlak kakitangan masjid seperti Iman dan bilal serta akhlak pengguna atau jemaah masjid.

Al-Syaizari seorang *al-muhtasib* pada zaman kerajaan *Ayubiyah* menetapkan *al-muhtasib* bertanggungjawab memastikan kebersihan masjid sama ada bahagian luar atau dalam. Membersihkan lampu dan menyalakan lampu tersebut setiap malam. *Al-muhtasib* juga perlu menutup pintu masjid setiap kali masuk waktu sembahyang. Menghalang kanak-kanak dan orang gila masuk ke situ, orang yang cuba makan dan minum di dalam masjid, menjual barang atau menyanyi lagu-lagu yang melalaikan (*dāllah*) atau orang yang duduk di situ untuk membincangkan perkara yang bersangkutan dengan dunia. Di samping itu *al-muhtasib* juga berperanan memastikan pegawai masjid yang dilantik adalah orang yang berkelayakan sama ada dari segi keilmuan, akhlak dan tingkah laku.¹¹⁰

iii) Mengawasi pembinaan masjid.

Al-muhtasib perlu mengawasi bahan-bahan yang digunakan untuk membina dan mencantikkan masjid agar ia tidak menganggu orang yang ingin

¹¹⁰ Syaizari, *Op. Cit.*, hal. 110-111

bersembahyang dan tidak bertentangan dengan *syariah*. Keluasaan masjid juga mestilah sesuai dengan bilangan jemaah. Dalam hal ini al-Sunāmī menyatakan makruh menghias dan mengukir masjid dengan kapur putih dan air emas jika ia bertujuan untuk menunjuk-nunjuk tetapi tidak makruh jika untuk mengagungkan agama atau memperlihatkan syiar *Islām* berbanding agama lain.¹¹¹

2.9.2 Pengawasan Ke Atas Jalan raya

Jalan raya adalah antara kemudahan awam yang paling penting di bandar yang memudahkan pergerakan dan perjalanan masyarakat bandar. Oleh itu di antara tugas yang paling utama ialah mengawasi jalanraya agar ia dapat digunakan dengan berkesan dan selesa. Terdapat tiga aspek penting yang perlu diambil perhatian oleh *al-muhtasib* iaitu:

i) **Mengawasi pembinaan jalan raya dan jenis-jenisnya.**

Di dalam perbandaran *Islām* terdapat beberapa kategori jalan raya yang dicirikan mengikut keluasannya. Oleh itu pegawai *hisbah* hendaklah memastikan bahawa keluasan atau lebar jalanraya dan lorong yang dibina menepati piawaian yang telah ditetapkan¹¹² Sayyidinā ‘Umar contohnya telah menetapkan lebar jalan besar di Bandar Başrah sebanyak 60 hasta, jalan kecil 20 hasta dan lorong tujuh hasta.¹¹³

¹¹¹ Al-Sunāmī, *Op. Cit.*, hal. 170-171

¹¹² Al-Kattānī, t.t., *Al-Tarātib Al-Idāriyyah*, Beirut: Dār Al-Kitāb Al-‘Arabiyyah, hal. 282

¹¹³ Abū Ya’lā, 1973, *Al-Aḥkam Al-Sultāniyyah*, Tahqīq Muḥammad al-Fiqqī, Al-Qāhirah: Dār al-Fiqr, hal. 31

ii) Menguatkuasakan Peraturan Jalanraya Untuk Menjamin Kelancaran Lalulintas.

Fungsi ini tertumpu kepada tanggungjawab memelihara kepentingan awam supaya kemudahan jalan raya dapat digunakan dengan berkesan. Oleh itu *al-muhtasib* berperanan memastikan tiada halangan yang menjelaskan kelancaran lalu-lintas. Antaranya *al-muhtasib* berperanan untuk menghalang sebarang usaha untuk memanjangkan dinding rumah atau dinding kedai sehingga memasuki kawasan lalu-lintas awam seperti yang telah ditetapkan.

Di samping itu beliau juga berperanan menghalang penjual atau orang awam meletakkan barang-barang di atas jalan. Tindakan yang sama boleh diambil terhadap orang yang meletakkan kenderaan ataupun menambat haiwan di lorong atau jalan sehingga menyulitkan para pengguna jalanraya.¹¹⁴

Al-muhtasib juga berperanan menjaga kebersihan jalanraya untuk keselesaan para pengguna. Beliau berhak mencegah saluran air kotor atau air najis mengalir ke jalanraya. Beliau juga boleh bertindak terhadap sesiapa yang mengotorkan jalan raya dengan darah sembelihan haiwan, buah-buahan busuk, sampah sarap, air kotoran dan biji serta buah-buahan yang mengakibatkan jalanraya becak dan licin.¹¹⁵ Jika *al-muhtasib* mendapati sampah atau tanah bertimbun di atas jalanraya, beliau akan melantik orang khusus untuk membersihkan jalan-jalan tersebut dan menyapunya setiap hari.¹¹⁶

¹¹⁴ Auni Hj. Abdullah, *Op. Cit.*, hal. 110-111,

¹¹⁵ Al-Ghazālī, *Op. Cit.*, hal. 481

¹¹⁶ Syihām Mustafā, *Op. Cit.*, hal. 201

i) **Mengawasi Kelakuan /Akhlak Pengguna Jalan raya.**

Al-muhtasib juga berperanan untuk mengawasi tingkah-laku pengguna jalanraya agar mereka tidak melampaui batas akhlak dan pergaulan dan melakukan perbuatan yang ditegah oleh *syara'*. Di antaranya menghalang pengguna membawa atau meminum arak, menghalang mereka dari bermain dengan alat muzik yang melalaikan dengan menuangkan arak dan memecahkan alat muzik. *Al-muhtasib* juga berhak menghalang pergaulan bebas di antara lelaki dan perempuan di jalan raya¹¹⁷

Al-muhtasib juga berperanan memastikan perkhidmatan pengangkutan di bandar selamat dan selesa; binatang pengangkutan dan kapal pengangkutan mestilah dalam keadaan selamat digunakan contohnya tidak melebihi had muatan agar tidak menyeka binatang atau menyebabkan kapal karam.¹¹⁸ Beliau juga bertanggungjawab memastikan bahawa tiada percampuran di antara lelaki dan perempuan di dalam kenderaan yang sama.¹¹⁹

2.9.3 Pengawasan Di Pasar (*Sūq*)

Pasar adalah elemen yang kedua penting selepas masjid yang perlu ada di dalam sebuah bandar *Islām*. Ia merupakan pusat kegiatan ekonomi umat *Islām* yang meliputi kegiatan perniagaan, perindustrian dan pertukangan. Justeru pasar menjadi tempat yang paling mudah terdedah kepada penyelewengan di dalam

¹¹⁷ Syaizari, *Op. Cit.*, hal. 109

¹¹⁸ Abd al-Hasib Radhwān, *Op. Cit.*, hal. 42, Ibn Khaldun, *Op. Cit.*, hal. 246

¹¹⁹ Syihām Mustafā, *Op. Cit.*, hal. 114

aktiviti tersebut. Oleh itu *al-muhtasib* berperanan untuk memastikan kegiatan di pasar bebas dari sebarang penyelewangan dan aktivitinya dapat dijalankan dengan penuh selesa, harmoni dan tidak melanggar syariah. Antara tugas *al-muhtasib* itu ialah:

i) **Pengawasan Kepada Struktur Fizikal Dan Persekutaran Pasar.**

Sesuai dengan fungsinya sebagai pengawas pasar, *al-muhtasib* perlu menjamin kedudukan dan struktur di pasar supaya sesuai, selesa dan tenteram sebagai pusat kegiatan perniagaan.¹²⁰ Untuk itu terdapat beberapa aspek penting yang perlu diambil perhatian oleh *al-muhtasib*.¹²¹

Memastikan kedudukan dan struktur pasar sesuai, selesa dan tenteram sebagai pusat kegiatan perniagaan.¹²² Antara perkara yang diawasi; keluasan pasar, ketinggian, mempunyai lantai dan bumbung yang sesuai dan mengikuti piawaian yang telah ditetapkan.¹²³ Beliau juga bertanggungjawab menentukan keluasan setiap jenis kedai mengikut ukuran yang telah ditetapkan dan tidak melebihi had sehingga menghalang lalu-lintas di pasar tersebut. Beliau juga bertugas memastikan segala kemudahan dan keperluan di pasar berada dalam keadaan yang memuaskan dan bebas daripada gangguan-gangguan yang menyukarkan urusan perniagaan.¹²⁴

¹²⁰ *Op. Cit.*, hal. 114

¹²¹ Walid 'Abd Allāh 'Abd 'Azīz Al-Munīs, *Op. Cit.*, hal. 80-96

¹²² Auni Hj. Abdullah, *Op. Cit.*, hal. 114

¹²³ *Op. Cit.*, hal. 91-96

¹²⁴ *Loc. Cit.*

Bagi memelihara persekitaran pasar agar sentiasa bersih dan selesa, *al-muhtasib* akan memastikan kegiatan perniagaan yang mencemarkan persekitaran seperti asap, wap, nyalaan dan percikan api diasingkan daripada aktiviti perniagaan biasa dan ditempatkan di tempat khas untuk menjaga persekitaran di pasar.¹²⁵ *Al-muhtasib* juga berperanan mengupah orang untuk menyapu dan membersihkan sampah setiap hari di sana.¹²⁶

ii) Mengawasi setiap jenis perniagaan dan perusahaan di pasar.

Pasar merupakan pusat pelbagai bidang perniagaan, kemahiran dan perusahaan di pasar. Oleh itu *al-muhtasib* berperanan mengawasi segala kegiatan ekonomi di pasar untuk memastikan ia berjalan dengan lancar tanpa ada sebarang penyelewengan, penipuan dan penindasan serta menjamin bahawa keperluan masyarakat bandar dapat dipenuhi. Antara aspek yang menjadi tumpuan *al-muhtasib* adalah mengawasi harga barang dan menetapkan harga (*tas'ir*) bagi barang tertentu.¹²⁷ *Al-muhtasib* juga berperanan mempastikan penggunaan alat-alat timbang yang betul, mengawal pengeluaran dan penawaran, mencorakkan bentuk kad kredit, menjamin hak milik harta, mengawal kualiti barang, memanfaatkan guna-tenaga pekerja dan mencapai keseimbangan antara sektor-sektor ekonomi supaya tercapai pengeluaran optimum dan terjamin keadilan. Dalam melaksanakan tugas-tugas ekonomi ini, *al-muhtasib* juga bertindak tegas memerangi riba, amalan monopoli, pemerasan tenaga pekerja¹²⁸

:

¹²⁵ Al-Syaizari, *Op. Cit.*, hal. 14

¹²⁶ Syihām Mustafā, *Op. Cit.*, hal. 201

¹²⁷ Syihām Mustafā, *Op. Cit.*, hal. 168

¹²⁸ Auni Hj. Abdullah, *Op. Cit.*, hal. 115, 'Abd al-Karīm Zaydān, 1984, *Nizām al-Qaḍā'* fī al-Syari'at al-Islamiyyah, Baghdād: Matba'ah al-Ma'āni, hal. 340-341, Muḥammad Fāruq al-Nabhān,(1988), *Nizām al-Hukm fī al-Islām*, Beirūt:Muassah al-Risālah, hal. 6

iii) Mengawasi aktiviti di pasar (jual-beli dan akhlak).

Fungsi *al-muhtasib* juga tertumpu untuk memastikan, para pekedai di pasar menjalankan amalan jual-beli yang bersih dan menyekat berlakunya kegiatan penipuan, pemalsuan, penyelewengan dalam urusan jual-beli. Beliau juga bertanggungjawab kepada segala urusan dilaksanakan dengan senang dan toleransi. Di samping itu beliau juga berperanan untuk memastikan tidak ada tingkah-laku yang melanggar batas yang ditetapkan oleh *syara'* contohnya pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan atau sikap suka membuang sampah merata-rata. Beliau juga hendaklah memastikan pasar bebas dari jual-beli barang yang haram seperti menjual arak, patung atau menjual barang yang dicuri atau dirampas.¹²⁹

2.9.4 Pengawasan Ke Atas Bangunan Dan Kediaman

Bangunan merupakan antara aspek penting yang perlu ada di dalam sesebuah bandar, ia termasuklah bangunan pejabat-pejabat kerajaan, hospital, Institusi Pendidikan, perpustakaan dan kilang-kilang. Reka-bentuk bangunan-bangunan ini dan senibinanya perlu dipastikan membolehkan alam-sekitar mengekalkan sifat-sifat alam-semulajadinya¹³⁰. Jika ditinjau pada pandangan Islam berkaitan perancangan bandar, keadaan alam sekitar, rekabentuk bangunan dan senibina juga memberikan pengertian simbolisnya yang tersendiri bukan sahaja dari sudut estetika dah gunaan, bahkan dari sudut metafizik yang melambangkan pengabdian jiwa suci masyarakat bandar tersebut kepada doktrin

¹²⁹ Ahmad ibn 'Ali Al-Darwisyī, 1404-1405H, (*Aḥkām Al-Sūq fi al-Islām wa Atharuh fi āAl-Iqtiṣād Al-Islāmī*) Tesis PHD, Ja'miah Imam Muhammad Sa'ūd, hal36-56.

¹³⁰ Zaini Ujang, *Op. Cit.*, hal. 135

keagamaan yang menjadikan manusia sebagai *khalīfah Allāh*.¹³¹ Dalam hal ini terdapat beberapa aspek yang amat diberi perhatian oleh *al-muhtasib*, antaranya:

- i) **Kawalan mutu terhadap kepakaran pembinaan bangunan dan menentukan had tempoh masa untuk menguji jangka masa ketahanan sesuatu bangunan dan kawalan mutu bahan-bahan binaan.**

Perkara ini perlu diambil perhatian untuk memastikan agar binaan kukuh dan tidak mudah runtuh yang akan membahayakan keselamatan dan nyawa warga kota. Pemaju yang membina kota, qubah dan lengkung binaan diberi masa selama 10 tahun, jika binaannya rosak dalam tempoh itu, mereka dikehendaki membaiki semula dan perbelanjaan ditanggung sendiri. Manakala binaan yang berasaskan tanah, tempoh ketahanan bangunan yang diberikan adalah enam tahun.¹³² *Al-muhtasib* juga berperanan memastikan bahan-bahan binaan yang digunakan hendaklah menepati piawaian mutu yang telah ditetapkan oleh pemerintah.¹³³

- ii) **Memelihara keseimbangan eko-sistem di tempat yang didirikan bangunan.**

‘Abd ‘Azīz al-Munīs telah menekankan perlunya juru-bina berhati-hati dalam melakukan kerja pembinaan hingga menyebabkan mergastua yang mendiami tempat itu pupus.¹³⁴ Pembinaan yang dijalankan hendaklah tidak menjelaskan kehidupan flora untuk menjaga keseimbangan eko-sistem yang menyebabkan berlakunya berbagai masalah alam sekitar seperti banjir kilat, pencemaran udara sehingga kesan pulau haba, pencemaran sungai, pencemaran

¹³¹ *Ibid.*, hal. 116

¹³² *Walid ‘Abd ‘Azīz al-Munīs, Op. Cit.*, hal. 100

¹³³ *Ibid.*, hal. 100

¹³⁴ *Ibid.*, hal. 101

hingar dan sebagainya.¹³⁵

ii) Mengawasi tingkah laku penghuni bangunan dan menjaga hak jiran.

Al-muhtasib juga berhak mengawasi tingkah-laku penduduk untuk mewujudkan suasana kejiraninan yang selesa dan harmoni. Beliau berhak menghalang sebarang kegiatan yang menganggu ketenteraman jiran. Beliau berhak melarang sesiapa yang mendirikan bangunan tinggi yang jendelanya yang jelas menghala ke rumah-rumah lain sehingga menganggu keselesaan para jirannya.¹³⁶

iii) Mengawasi reka-bentuk bangunan dari sudut ketinggian dan keluasan serta memilih kawasan yang sesuai untuk didirikan bangunan dan mengawasi reka-bentuk dinding, bumbung, pintu dan longkang.

Sebagaimana yang telah dinyatakan *al-muhtasib* perlu memastikan aspek-aspek pembinaan bangunan yang telah dinyatakan mengikut struktur, kualiti dan piawaian yang telah ditetapkan. Ini untuk menjamin keselesaan, keselamatan, kebersihan alam sekitar dan tidak menganggu eko-sistem tempat tersebut yang boleh mengakibatkan bahaya kepada penghuni bangunan tersebut.¹³⁷

iv) Mengawasi tempat permandian.

Antara kemudahan awam yang penting dalam bandar Islām ialah tempat permandian. Oleh itu *al-muhtasib* berperanan mengawasinya untuk memastikan ia dapat menjalankan fungsinya dengan sempurna. Justeru itu yang diawasi ialah

¹³⁵ Zaini Ujang, *Op. Cit.*, hal. 136

¹³⁶ Walīd ‘Abd ‘Azīz Al-Munīs, *Op. Cit.*, hal. 102

¹³⁷ *Ibid*, hal. 102-105

aspek kedudukan dan struktur bangunan, kebersihan dan akhlak pengguna tempat mandi ini.¹³⁸

2.9.4 Pengawasan Terhadap Aspek Kerohanian , Akhlak dan Sosial

Selain dari pengawasan terhadap ciri-ciri penting di bandar terdapat beberapa aspek lain yang menjadi tumpuan pegawai *al-muhtasib*. Antaranya pengawasan terhadap aspek kerohanian dan akhlak masyarakat bandar, kebersihan bandar serta kesihatan umum dan aspek pendidikan.

i) Pengawasan terhadap aspek kerohanian dan akhlak masyarakat

Memang tidak dapat dinafikan bahawa *al-muhtasib* memainkan peranan yang penting dalam mengawasi aspek-aspek perbandaran untuk menjamin masyarakat bandar dapat hidup dalam keadaan aman, harmoni dan selesa. Di dalam melaksanakan *hisbah*, *al-muhtasib* bukan sahaja menitik-beratkan kepada pengawasan fizikal tetapi juga amat mementingkan pengawasan akhlak dan amalan kerohanian .

Ini kerana konsep pengawasan di dalam *Islām* menekan kepada perlunya keseimbangan di antara aspek dan pembangunan insan yang merupakan gabungan aspek agama dan akhlak untuk menjamin kelangsungan pembangunan material. Sejarah *Islām* membuktikan bahawa pembangunan insan yang diasaskan oleh

¹³⁸ *Ibid*, hal. 105-106

Rasūlullāh s'aw di Madīnah menjadi faktor utama kecemerlangan tamadun *Islām* semasa dan selepas baginda.¹³⁹ Justeru kedua-dua aspek ini saling berkait dalam mewarnai tingkah-laku kehidupan masyarakat bandar dalam setiap aktiviti mereka dan dapat menjalani kehidupan yang sempurna di bandar sebagaimana yang digariskan oleh syara'.

Bahagian ini akan membincangkan bagaimana *al-muhtasib* mengawasi tingkah-laku masyarakat secara umum untuk memastikan mereka menjalani kehidupan seharian mengikut norma-norma yang digariskan oleh *Islām*. Terdapat beberapa aspek yang akan disentuh dalam bahagian ini iaitu pegawasan terhadap aspek aqidah, ibadah, aktiviti maksiat dan peminta sedekah dan pengangguran.

a) Aspek Aqidah

Para pemerintah *Islām* amat mementingkan masalah aqidah untuk memastikan umat *Islām* berpegang dengan aqidah yang benar sebagaimana yang dituntut oleh *Islām*. Justeru menjadi tanggungjawab *al-muhtasib* untuk menegakkan *ta'līm Islām* yang benar dan menghukum orang yang melanggarinya. Tercatat di dalam sejarah bahawa *Khalīfah* telah memerintahkan *al-muhtasib* memerangi golongan *zindiq*. Manakala dalam surat perlantikan *al-muhtasib* pada zaman pemerintahan kerajaan *al-Mamlūk* bahawa *al-muhtasib* hendaklah mengawasi aqidah umat *Islām* dan memastikan setiap individu muslim itu

:

¹³⁹ Ahmad Zaki Hj. Abd. Latiff, *Op. Cit.*, hal.20-21

berpegang dengan aqidah *salaf-al-sāliḥ* dan orang yang menyalahinya hendaklah dihukum.¹⁴⁰

b) Pengawasan Terhadap Amalan Ibadah

Al-muhtasib juga berperanan mengawasi penghuni bandar dalam melaksanakan amalan ibadah untuk menjamin umat *Islām* supaya beriltizam melaksanakan ibadat-ibadat khusus, seperti sembahyang Jumaat dan sembahyang berjemaah, mengerjakan puasa di bulan *Ramadhan* dan mengeluarkan zakat. Tindakan tegas akan diambil ke atas orang yang melalaikannya sama ada melalui nasihat, amaran atau hukuman.¹⁴¹

c) Mengawasi Orang *Kāfir Zimmi*

Orang *kāfir zimmi* ialah orang bukan *Islām* yang tinggal di negara orang *Islām*. Terdapat beberapa aspek yang perlu *al-muhtasib* awasi sebagaimana yang telah dipelopori oleh *Sayyidinā ‘Umar Ibn Khattāb* antaranya cara berpakaian, pembinaan rumah ibadat, tidak dibenarkan menunggang kuda serta membawa senjata dan binaan mereka tidak boleh melebihi binaan orang *Islām*, tidak boleh menzahirkan meminum minuman yang memabukkan dikhayalak ramai, serta menjual daging *khinzir* di pasar.¹⁴²

¹⁴⁰ Ibn Athir,(1960) *Al-Masal al-Sā’ir fī al-Adab al-Kātib al-Syā’ir*, al-Qāhirah:, jil. 2: hal. 688, Syihām Abū Zaid, *Op. Cit.*, hal. 144

¹⁴¹ *Ibid*, hal. 146, Abd Hasib Radhwan, *Op. Cit.*, hal. 145

¹⁴² Syaizari, *Op. Cit.*, hal. , al-Mawardi, *Op. Cit.*, hal. 356, Syihām Abū Zaid, *Op. Cit.*, hal. 153

d) Mengawasi amalan keagamaan

Pengawasan ini dilakukan mengikut keperluan semasa agar tidak berlaku penyelewengan di dalam amalan agama ini. Antara aspek yang menjadi perhatian *al-muhtasib* sebagaimana yang telah dicatatkan dalam sejarah Tamadun umat *Islām* ialah mempastikan bahawa penceramah atau pemberi *tazkirah* mestilah memenuhi syarat dari segi akademik, kepakaran dan mempunyai akhlak yang sempurna.¹⁴³ *Al-muhtasib* juga berperanan memastikan bahawa orang yang menguruskan jenazah adalah orang berkelayakan.¹⁴⁴ Di samping itu *al-muhtasib* bertanggungjawab memastikan akhlak orang yang melawat kubur contohnya melarang wanita dari mendedahkan aurat ketika mengiringi jenazah ke kubur dan wanita hendaklah berjalan terkebelakang dari lelaki serta tidak ada pergaulan bebas di sana. *Al-muhtasib* juga berperanan mencegah amalan jahiliyyah seperti meratap, meraung dan menjerit ketika melawat kubur.¹⁴⁵

¹⁴³ Syihām Mustafā, *Op. Cit.*, hal. 151.

¹⁴⁴ *Loc. Cit.*

¹⁴⁵ *Loc. Cit.*

e) Kegiatan Maksiat dan Perbuatan Mungkar

Al-muhtasib berperanan memastikan adab kesopanan *Islām* dalam tingkah laku masyarakat *Islām* dan tidak menjerumuskan diri mereka kepada melakukan maksiat dan dosa besar. Antara perkara yang perlu diawasi oleh *al-muhtasib*:

- i) Melarang lelaki dan perempuan berdua-duaan di tempat sunyi atau di jalanraya.

Al-Syaizari menyatakan bahawa pegawai penguatkuasa berhak menghukum lelaki dan wanita yang berdua-duaan di tempat sunyi atau di jalan raya. *Al-muhtasib* juga berhak mengosongkan tempat yang dikunjungi oleh wanita daripada lelaki seperti di pasar wanita, kedai kain, di tebing sungai atau di depan pintu tempat mandi wanita. *Al-muhtasib* juga berhak mengawasi jika pemuda dan pemudi sedang bersendirian dan berbicara bukan kerana urusan jual-beli.¹⁴⁶

- ii) Tidak ada percampuran di antara lelaki dan perempuan di dalam majlis Ilmu dan memberi nasihat.

Al-muhtasib bertanggungjawab memastikan sempadan yang jelas di antara lelaki dan perempuan. Apabila majlis berakhir *al-muhtasib* hendaklah memastikan bahawa kaum lelaki hendaklah mengikuti jalan yang dikhaskan untuk mereka, begitu juga kaum wanita hendaklah mengikut jalan untuk wanita. Jika beliau

¹⁴⁶ Al-Syaizari, *Op. Cit.*, hal. 109-110. Al-Sunāmi, *Op. Cit.*, hal. 46

melihat lelaki cuba mengikuti jalan untuk wanita mereka akan dikenakan hukuman.¹⁴⁷

iii) Perempuan yang tidak menutup aurat dan bertabarruj

Al-Muhtasib juga berperanan memastikan wanita yang keluar dari rumah mestilah menutup aurat dan tidak memakai pakaian menjolok mata dan mencegah wanita dari berhias secara melampau ketika keluar dari rumah atau menziarahi kubur.¹⁴⁸ Ini kerana dalam keadaan ini, lelaki akan tertarik untuk memandangnya. Perkara ini boleh menyebabkan timbul fitnah dan boleh mendorong perlakunya perbuatan maksiat.

iv. Membasmi pelacuran

Al-Muhtasib juga berperanan membasmi pelacuran yang wujud dalam masyarakat. Apabila pegawai *al-muhtasib* mengetahui adanya perempuan melacur atau menjadi penyanyi, beliau akan menyuruh mereka bertaubat dari perbuatan maksiat itu. Jika mereka masih berdegil pelaku perbuatan mungkar itu akan dihukum dan dibuang negara.¹⁴⁹

¹⁴⁷ *Ibid*, 108

¹⁴⁸ al-Sunāmī, *Op. Cit.*, hal. 16

¹⁴⁹ *Ibid*, 44, Al-Syaizari, *Op. Cit.* hal. 110

v) Menghalang lelaki dari menyerupai wanita dan
milarang wanita dari menyerupai lelaki.¹⁵⁰

Al-muhtasib juga berhak menghukum *khunsā* yang diketahui melakukan perbuatan sumbang dengan lelaki. Mereka juga berhak menghalang *khunsā* dari mencukur misai atau bercampur-gaul dengan wanita.¹⁵¹

vi) Mencegah kegiatan meminum arak dan
berjudi.

Apabila *al-muhtasib* melihat seorang lelaki membawa arak atau bermain dengan alat muzik, maka dia boleh menghukum lelaki tersebut setelah dia memusnahkan arak dan alat muzik tadi.¹⁵² Manakala berkenaan dengan judi pula *al-Sunāmi* dalam membincangkan *hisbah* di jalanraya, menyatakan bahawa *al-muhtasib* berhak milarang kanak-kanak dari berjudi walaupun mereka tidak bermain di jalanraya kerana berjudi adalah haram dan ditegah dalam *Islām*.¹⁵³

¹⁵⁰ *Al-Sunāmi*, *Ibid*, hal. 15

¹⁵¹ *Al-Syaizari*, *Op. Cit.*, 110

¹⁵² *Ibid*, hal. 109, *al-Sunāmi*, *Ibid*, hal. 170

¹⁵³ *Al-Sunāmi*, *Ibid*, hal. 206

- vii) Mencegah masyarakat bandar dari terlibat dengan aktiviti melalaikan dan amalan berpoya-poya.

Termasuk juga di bawah bidang kuasa *al-muhtasib* untuk mencegah masyarakat bandar dari terlibat dengan aktiviti yang melalaikan dan amalan berpoya-poya. *Khalīfah Al-Hākim Bi Amrillāh* telah mengeluarkan arahan melarang aktiviti melalaikan dan nyanyian, begitu juga melarang jual-beli alat-alat nyanyian, begitu juga pesta-pesta yang diadakan di padang pasir.¹⁵⁴ *Al-Maqrizī* merakamkan bahawa *Al-Hākim* juga telah mengharamkan pesta-pesta hiburan melalaikan

di tepi pantai-pantai di teluk Mesir di *al-Qāhirah*. Beliau memerintahkan agar pintu-pintu yang menghala ke teluk tersebut ditutup.¹⁵⁵

viii) Peminta Sedekah

Al-muhtasib berperanan mencegah orang dari meminta sedekah. Amalan meminta sedekah merupakan salah satu kemungkaran yang amat dikeji oleh *syara'*. Tabiat ini mesti dihindiri oleh orang *Islām*.¹⁵⁶ *Al-Sunāmī* dalam menyentuh tentang pengawasan di masjid telah menyatakan bahawa para jemaah tidak harus memberi wang kepada peminta sedekah kerana sikap begitu seolah-olah membantu masjid melakukan dosa.¹⁵⁷ *Khalaf Ibn Ayyūb* telah berkata, jika beliau seorang *al-Qādhi*, beliau tidak akan menerima kesaksian orang yang

¹⁵⁴ *Al-Syahāwī*, *Op. Cit.*, hal.114

¹⁵⁵ *Rasyād Abbās Ma'tūq*, *Op. Cit.*, hal. 191

¹⁵⁶ 'Abd Hāsib Radhwān, *Op. Cit.*, 155

¹⁵⁷ *Al-Sunāmī*, *Op. Cit.*, 65

bersedekah di masjid. Tindakan membasmi peminta sedekah ini wajar dijalankan kerana ia bukan sahaja menjatuhkan maruah orang *Islām* tetapi juga menggalakan pengangguran kerana menggalakkan masyarakat mendapatkan pendapatan dengan cara yang mudah.

Inilah di antara perbuatan maksiat yang melampaui batas kesopanan dalam agama *Islām* dan *al-muhtasib* bertanggungjawab mencegahnya.. Walaupun masa telah berubah, aspek-aspek ini tetap menjadi perhatian *al-muhtasib* kerana ia merupakan punca-punca yang membawa kepada keruntuhan akhlak dalam masyarakat. Mungkin pendekatan yang digunakan dan bentuk sekatan yang digunakan itu berbeza mengikut peredaran masa.

2.9.5 Menjamin kebersihan dan memelihara kesihatan awam.

Pengawasan terhadap aspek kebersihan bermatlamatkan untuk menjaga keselamatan dan kesihatan penduduk serta menjaga kebersihan bandar dan keindahannya, bangunannya, jalan rayanya, taman-tamannya.¹⁵⁸ Antara aspek yang dititik-beratkan oleh *al-muhtasib* mengawal kebersihan tempat awam, kebersihan makanan yang dijual dan kebersihan alam-sekitar. Kebersihan tempat awam ini meliputi tempat-tempat mandi awam, tandas awam, jalan raya dan parit. Kebersihan makanan pula merangkumi kebersihan kedai makan, kebersihan para pekerja dan makanan yang dihidangkan. Ini juga meliputi kebersihan dalam pembuatan roti, penjual ikan, penyembelih haiwan dan penjual kuih-muih.¹⁵⁹

¹⁵⁸ Rasyād Abbās Ma'tūq, *Op. Cit.*, 201, Sālim al-Alūsī, (t.t.), "Al-Khidmāt Al-Baladīyyah fi al-Hadārah al-'Arabiyyah", *Dirāsah al- Hisbah wa al-muhtasib 'Ind al-'Arāb*, Baghdād: Markaz al-Turath al-'Ilmī al-'Arabi, hal. 59

¹⁵⁹ Auni Hj. Abdullah, *Op. Cit.*, hal. 109

Manakala dalam mengawasi kebersihan alam sekitar *al-muhtasib* berperanan memastikan perkara-perkara yang menyebabkan berlakunya percemaran air, udara dan bunyi.¹⁶⁰

Mengenai tanggungjawab menjaga kesihatan awam pula, *al-muhtasib* ditugaskan mengawasi kegiatan-kegiatan doktor dan ahli farmasi. *Al-muhtasib* akan memastikan doktor memberikan layanan baik diberikan kepada pesakit dan tidak melakukan kecuaian sehingga memudaratkan pesakit atau menyebabkan kematian. Dalam memastikan kebenaran dakwaan tentang kecuaian doktor, *al-muhtasib* akan merujuk kepada ketua doktor yang akan mengesahkan perkara tersebut. Apabila sabit kesalahan mereka, *al-muhtasib* berhak memberhentikan doktor yang tidak berkelayakkan daripada meneruskan tugas mereka.¹⁶¹

Manakala dalam mengawasi ahli farmasi, *al-muhtasib* akan dibantu oleh para penolong yang mahir dalam bidang ini supaya pengawasan yang lebih berkesan dapat dijalankan terhadap mereka demi menjamin kesihatan dan keselamatan jiwa manusia.¹⁶²

2.9.7 Mengawasi Institusi Pendidikan

Al-muhtasib berperanan mengawasi tingkah-laku guru terhadap anak didiknya terutamanya dalam pendidikan kanak-kanak kerana pentingnya

¹⁶⁰ *Ibid*, hal. 53 dan 59-60

¹⁶¹ Kamāl Al-Samarā'i, (t.t.), "Mawdū 'ilā Mawdū' al-Ḥisbah fī al-Islām", *Dirāsah al-Hisbah wa al-Muḥtasib 'Ind al-'Arāb*, Baghdād: Markaz al-Turath al-'Ilmi al-'Arabi, hal. 15

¹⁶² Auni Hj. Abdullah, *Op. Cit.*, hal. 109-110

pendidikan peringkat awal dalam pembinaan peribadi insan. Antara aspek yang diberi perhatian ialah kelayakan dan peribadi guru.¹⁶³

2.10 Kesimpulan

Berdasarkan kepada keseluruhan perbincangan jelaslah bahawa **IH** memainkan peranan yang amat penting dalam mengawasi pelbagai aspek perbandaran sama ada binaan, jalan raya, masjid, kemudahan awam, aktiviti sosial, akhlak dan kerohanian para penghuninya dapat menjalani kehidupan dengan penuh aman, tenteram dan harmoni serta dapat melaksanakan kewajipan mereka sebagai khalifah di muka bumi ini. Pengawasan *al-muhtasib* ini telah menyumbang ke arah kemajuan kegiatan perniagaan dan perdagangan di bandar, begitu juga kemajuan di dalam bidang ilmu yang berlandaskan kemantapan akhlak dan keteguhan akidah. Jika dilihat dari aspek keberkesanannya; satu struktur organisasi yang sistematis dan mantap, skop penguatkuasaan yang komprehensif dan pelaksana yang berdedikasi, cekap dan bertaqwa.

¹⁶³ *Ibid*, hal. 116